**SUKMA, syabas!** MS 5



**Teliti punca banjir PIA** MS 7

NOVEMBER 16-30, 2018

PERCUMA

BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Elaun Sara Hidup Nelayan diteruskan

**IKRAR** Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dan Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil untuk mempertahan serta meneruskan program Elaun Sara Hidup Nelayan memang dinanti-nantikan semua pihak.

Demikian respons **MOHD. SHARIF SHAARI**, 60, yang merupakan salah seorang daripada 1,260 penerima Elaun Sara Hidup Nelayan di Dewan Serbaguna Tapak Ekspo Seberang Jaya pada 25 Oktober 2018.

Beliau merupakan nelayan pantai di Kuala Muda, Seberang Perai Utara (SPU) sejak lebih empat dekad lalu.

Menurut Mohd. Sharif, bantuan tersebut diperkenalkan ketika Tun Abdullah Ahmad Badawi menjadi Perdana Menteri pada kadar RM200.

Kemudian, bantuan bulanan itu dinaikkan kepada RM300 ketika Datuk Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri.

Pasca Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) pada 9 Mei 2018 lalu, beliau sendiri bimbang kerana ada khabar angin mengatakan bahawa Elaun Sara Hidup Nelayan terpaksa dihentikan memandangkan Kerajaan Pusat ketika ini menghadapi kekangan kewangan, termasuk lebih RM1 trilion hutang Persekutuan.

Namun, Mohd. Sharif lega apabila Afif sendiri ketika berucap pada majlis berkaitan menegaskan bahawa khabar angin itu adalah fitnah belaka terhadap kepimpinan Pakatan Harapan.

"Pak Lah yang mula cadang beri elaun sara hidup bulanan ini.

"Saya risau juga apabila dengar cerita elaun ini akan diberhentikan, tapi apabila dengar respons pemimpin kerajaan pada hari ini, jelas kedudukannya," ujarnya kepada wartawan akhbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar **DARWINA MOHD. DAUD**.

Afif, ketika berucap memberitahu bahawa Pakatan Harapan diberi mandat menubuhkan kerajaan di peringkat negeri Pulau Pinang dan Persekutuan bukanlah untuk menghapuskan program Elaun Sara Hidup Nelayan berkenaan.

"Kami (Pakatan Harapan) dipilih untuk membetulkan keadaan.

"Saya yakin semua nelayan di depan saya ini adalah orang yang buat kerja betul dan yang akan kami bantu.

"Kita akan mempertahankan bantuan (dalam) apa jua bentuk untuk para nelayan di seluruh negara, itu komitmen yang kita berikan," tegasnya disambut tepukan para hadirin sekalian.

Sungguhpun Kerajaan Persekutuan digambarkan menghadapi hutang yang tinggi serta kekangan kewangan, menurut Afif, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang akan terus melaksanakan bantuan dalam bentuk pemberian pukat kepada nelayan layak.

"Nelayan mesti melatih generasi muda kerana kalau pada masa hadapan tak ada cukup nelayan, siapa nak pergi tangkap ikan.

"Sebab itu, kita kena ada satu sikap, persatuan nelayan pun kena buat program dengan Kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat dan agensi kerajaan seperti LKIM sendiri, untuk memastikan ada (kesinambungan) dalam kalangan nelayan muda.

"Kita nak meningkatkan pengeluaran hasil laut, dan pada masa sama nak meningkatkan juga pendapatan isi rumah keluarga rakyat, seperti pemberian sumbangan Elaun Sara Hidup Nelayan," jelasnya.

Nada yang sama turut disampaikan oleh Muhammad Faiz, yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir.



**DR. Afif Bahardin (dua dari kanan) dan Muhammad Faiz Fadzil (kanan sekali) bersalaman dengan para penerima sumbangan Elaun Sara Hidup Nelayan pada majlis penyampaiannya di sini baru-baru ini.**

"Bagi saya, nelayan ini adalah tenaga yang sangat penting untuk sektor perikanan.

"Kerana, tanpa bekalan makanan termasuk hasil laut, tak mungkin rakyat Malaysia dapat hidup dengan selesa.

"(Justeru), saya berharap kita di sini tidak mendengar apa-apa tohmahan ataupun khabar angin yang mengatakan Elaun Sara Hidup (Nelayan) ini akan diberhentikan.

"Kami (LKIM) percaya bantuan sara hidup ini penting untuk membantu nelayan, sebab kita tahu kekangan yang dihadapi oleh nelayan dalam memastikan bekalan keselamatan makanan negara senantiasa cukup," katanya.

Sambil memuji komitmen kerajaan hari ini dalam membela kebajikan rakyat, Mohd. Sharif mencadangkan Elaun Sara Hidup Nelayan kepada mereka yang mempunyai bot sendiri ditingkatkan kepada RM500, supaya dapat menampung kos lepas yang lain seperti kerja-kerja penyelenggaraan bot.

Seorang lagi responden, **KHOO YOU KIANG**, 58, nelayan pantai di Sungai Udang dekat Nibong Tebal turut memuji komitmen dua pemimpin Kerajaan berkaitan, dalam memastikan program Elaun Kos Sara Nelayan diteruskan.

"Sebelum (PRU14) ini pun saya dapat RM300 tiap-tiap bulan, pada hari ini pun saya dapat RM300.

"Hasil tangkapan tak menentu juga walaupun pada musim bukan tengkujuh.

"Kalau saya belanja minyak RM150, hasil tangkapan tak banyak pun, saya mesti terima.

"Jadi, bantuan RM300 setiap bulan ini bukan dihabiskan untuk belanja di rumah, tapi modal untuk beli minyak dan lain-lain…saya perlu turun ke laut juga, walaupun hasil tangkapan tak menentu.

*(Sambungan di muka 2).*

# Pendidikan bukan semata-mata jumlah 'A' dalam peperiksaan – Ahmad Zakiyuddin

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



**DR. Abdul Rahman Abbas (dua dari kanan) sambil diperhatikan Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (kanan sekali) menyampaikan skrol kepada salah seorang graduan pada Majlis Konvokesyen KITAB Ke-10 di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Penerapan pendidikan berorientasikan *'test and educating'* perlu disemak semula dalam melahirkan modal insan berpelajaran, berkualiti serta berdaya saing tinggi.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata, pembangunan modal insan tersebut adalah sangat penting selaras dengan pembangunan negeri Pulau Pinang dalam menuju ke arah Malaysia baharu.

"Pendidikan merupakan teras utama dalam pembangunan negara seperti yang kita semua sedia maklum. Pendidikan bukanlah jumlah 'A' dalam peperiksaan semata-mata, sebaliknya, berorientasikan *'test and educating'* adalah perlu disemak semula supaya kita tidak melahirkan generasi berpelajaran tetapi tidak berpendidikan.

"Gejala berpelajaran tetapi tidak berpendidikan ini telah dikupas oleh ilmuwan, Harry R. Lewis dari Universiti Harvard yang menulis buku bertajuk *Excellence Without A Soul* yang mana menurut beliau, pendidikan hari ini telah kehilangan roh dan semangat yang sebenar.

"Malah, menurut Lewis, pendidikan yang ada pada hari ini telah lari daripada matlamat asal, pendidikan telah dijadikan komoditi untuk diniagakan di pasaran… ini jelas terbukti apabila para ibu bapa pada hari ini berlumba-lumba memastikan anak masing-masing mendapatkan sebanyak mungkin 'A'," ucapnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal pada Majlis Konvokesyen KITAB Ke-10 di sini 25 Oktober lalu.

Majlis berkaitan disempurnakan Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Hadir sama, Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Sohibus Samahah, Dato' Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor; Pengerusi Lembaga Pengarah Usaha Tarbiah Sdn. Bhd., Dato' Abdul Malik Abul Kassim dan Rektor KITAB, Datuk Dr. Mustapa Kassim.



**SEBAHAGIAN graduan yang hadir.**

Menurut Zakiyuddin, dalam Revolusi Industri 4.0, perhatian terhadap dimensi kerohanian yang lebih utuh bagi memudahkan proses pemahaman kemanusiaan serta peranannya dalam ilmu pengetahuan adalah perlu dititikberatkan.

"Perlu diingat, kerohanian adalah salah satu daripada enam aspirasi pelajar seperti yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

"Dalam hal ini, Kerajaan Negeri amat menyokong pelan program pendidikan Islam yang dijalankan di KITAB dalam membantu meningkatkan imej umat Islam serta memenuhi keperluan Revolusi Industri 4.0," ujarnya sambil menegaskan bahawa kerjasama segitiga emas di antara Malaysia, Thailand dan Indonesia (IMT-GT) harus dipertingkatkan bagi memantapkan institusi pendidikan seperti KITAB.

*(Sambungan dari muka 1).*

## Nelayan tenaga penting pastikan bekalan keselamatan makanan senantiasa cukup




**MOHD. Sharif Shaari dan Khoo You Kiang.**

"Kalau RM300 bantuan (Elaun) Sara Hidup Nelayan dapat ditingkatkan ke RM400 ataupun RM500 tiap-tiap bulan, sangat bantu kami tangkap banyak ikan untuk rakyat makan," ujarnya.

Justeru, You Kiang berharap Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Salahuddin Ayub dapat menyediakan lebih banyak peruntukan untuk menggalakkan persatuan nelayan merekrut lebih ramai nelayan daripada golongan muda.

Difahamkan, Kerajaan Persekutuan melalui LKIM telah mengagihkan Elaun Sara Hidup Nelayan sebanyak RM250 dan RM300 setiap bulan kepada kira-kira 3,300 nelayan di seluruh Pulau Pinang.

Pada tahun 2017, Afif menyatakan bahawa jumlah keseluruhan yang diagihkan adalah berjumlah RM11,839,500.

Untuk tahun 2018 pula, beliau menyatakan bahawa jumlah yang telah dibelanjakan sehingga kini untuk nelayan PNK Seberang Perai adalah sebanyak RM3,964,500.

"Pada majlis ini, seramai 1,260 nelayan menerima elaun yang melibatkan peruntukan sebanyak RM372,250.

"Diharapkan bantuan ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban perbelanjaan tuan-tuan dan puan-puan untuk menyara keluarga," kata Afif sambil merakamkan penghargaan atas sumbangan golongan nelayan dalam memastikan bekalan keselamatan makanan *(food security)* di Pulau Pinang senantiasa cukup.




Oleh: **ME**

# Pengurusan air mampan realisasi visi *Penang2030*, kekal dasar tiada catuan air

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**SEBERANG JAYA** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menegaskan bahawa hasrat Kerajaan Negeri untuk merealisasikan visi *Penang2030* adalah bergantung kepada pengurusan bekalan air yang mampan di negeri ini.

"*Penang2030* merupakan wawasan berani, dan untuk merealisasikan wawasan ini adalah bergantung kepada pengurusan bekalan air yang mampan.

"Tiada pengurusan air maka tidak ada visi *Penang2030* kerana bekalan air sebagai elemen penting kepada kehidupan terutamanya penduduk di negeri ini.

"Oleh itu, saya menyeru kepada semua untuk terus bekerja keras dan secara bijak untuk masa depan kita bersama," ucapnya pada Majlis Makan Malam Perbadanan Bekalan Air Holdings Berhad (PBAHB) di sini 26 Oktober lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I merangkap Timbalan Pengerusi PBAHB, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II); Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus; barisan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN); Ahli-ahli Lembaga Pengarah PBAHB dan ramai lagi.




GAYA sebahagian kakitangan yang hadir pada majlis sambutan berkaitan.




KETUA Menteri sambil diiringi Ir. Jaseni Maidinsa (kanan sekali) menyampaikan anugerah penghargaan kepada salah seorang kakitangan yang telah berkhidmat selama 35 tahun pada Majlis Makan Malam PBAHB di sini baru-baru ini.

Turut berucap, Ketua Pegawai Eksekutif PBAHB, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa yang menyatakan bahawa penduduk Pulau Pinang kini mengharapkan perkhidmatan pembekalan air lebih cekap dengan hasil yang lebih baik daripada kerajaan dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga Pengerusi PBAHB dan PBAPP memberitahu, misi utama Kerajaan Negeri pada masa ini adalah untuk memastikan tidak berlaku catuan air di negeri ini.

Tambahnya, walaupun catuan air boleh diterima di negeri-negeri lain, namun Pulau Pinang kekal mengamalkan dasar tiada catuan air.

"PBAHB ditubuhkan pada tahun 1999, justeru pada malam ini (26 Oktober 2018) kita berada di sini untuk meraikan ulang tahun ke-19 tiada catuan air di Pulau Pinang.

"Bagi Kerajaan Negeri, tiada catuan air adalah salah satu kejayaan Pulau Pinang sejak tahun 1999 dan akan terus menjadi kejayaan kita bersama pada masa hadapan.

"Oleh itu, terima kasih diucapkan kepada kakitangan PBAPP kerana memastikan bekalan air berterusan, yang memberikan manfaat kepada 1.76 juta penduduk di negeri ini," jelas beliau.

## Sambut baik hasrat KPKT laksana program kitar semula, asing sisa di skim PPR seluruh negara

**GEORGE TOWN** - Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo menyambut baik hasrat disuarakan Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Seri Mohammad Mantek untuk melaksanakan program kitar semula dan pengasingan sisa di 20 skim Projek Perumahan Rakyat (PPR) seluruh negara.

Beliau berkata demikian sebagai respons terhadap laporan akhbar berbahasa Inggeris bertarikh 21 Oktober 2018, '*20 PPR to receive recycling and waste management programmes*'.

Menurut Jagdeep, Pulau Pinang telah mendahului dalam program kitar semula dan pengasingan sisa di punca.

"Malah, kita (Kerajaan Negeri) turut memperkenalkan enakmen berkaitan yang mana program ini (pengasingan sisa di punca) adalah mandatori untuk semua skim perumahan di Pulau Pinang, bukan sahaja unit PPR.

"Di bawah enakmen tersebut juga, kompaun akan dikenakan kepada mereka yang gagal mematuhi ia, dan sejak diperkenalkan (tahun 2017) sudah ada badan pengurusan bersama (JMB) serta badan pengurusan (MC) yang dikenakan kompaun kerana tidak mematuhi pelaksanaan berkaitan," ujarnya sejurus hadir merasmikan suatu majlis sambutan Deepavali dekat Kompleks Masyarakat Penyayang di sini 21 Oktober lalu.

Jelas Jagdeep, beliau gembira apabila pihak Kementerian (KPKT) ingin melaksanakan inisiatif di seluruh negara membabitkan skim PPR.

"Saya juga difahamkan bahawa melalui program tersebut, pihak Kementerian akan menyediakan pusat pengurusan sisa dilengkapi mesin kompos.

"(Dan) suka saya nyatakan bahawa Pulau Pinang bersedia untuk program tersebut termasuk pemasangan mesin kompos sekiranya pihak Kementerian ingin melaksanakan di negeri ini.

"Saya juga akan menghubungi Menteri berkaitan untuk menyatakan hasrat ini, dan berharap ia bukan hanya dilaksanakan di skim PPR tetapi juga semua perumahan awam," katanya yang memuji inisiatif KPKT itu.

Dalam pada itu, Jagdeep turut berharap pihak kementerian (KPKT) dapat melihat cara terbaik dalam mendidik masyarakat supaya sama-sama menjayakan inisiatif pengasingan sisa dan kitar semula berkenaan.



JAGDEEP Singh Deo.

# Lulus 182 permohonan TPM80PP babit kos RM26.5 juta sejak 2013 – Exco

**PAYA TERUBONG** – Sejak tahun 2013 sehingga 25 Oktober 2018, sebanyak 182 permohonan Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP) diluluskan Kerajaan Negeri, ujar Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo.

Menurut Jagdeep, keseluruhan nilai kelulusan tersebut adalah berjumlah RM26.5 juta.

"Terkini, Kerajaan Negeri telah meluluskan 182 permohonan TPM80PP dengan kos RM26.5 juta membabitkan 303 projek (pelbagai kerosakan) di seluruh negeri Pulau Pinang.

"Projek yang kita (Kerajaan Negeri) utamakan ialah penaiktarafan dan penggantian lif yang mana daripada 303 projek yang diluluskan, 176 (projek) adalah yang berkaitan (penaiktarafan dan penggantian lif) dengan membabitkan kos RM14.4 juta.

"Ianya kritikal, fokus dan keutamaan akan terus diberikan bagi membantu skim-skim perumahan yang layak," ujarnya pada sidang media berhubung kelulusan kerja-kerja naik taraf dua unit lif dekat Blok 21, Taman Lone Pine di sini 26 Oktober lalu.

Hadir sama, Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian, Yeoh Soon Hin merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong; Penolong Setiausaha Kanan (Seksyen Pengurusan Perumahan, Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri), Mohd. Fauzy Mohd. Yusoff dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat.

Tambah Jagdeep, projek menaik taraf dua unit lif tersebut adalah bernilai RM221,000 yang mana para penduduk akan menampung 20 peratus, manakala baki 80 peratus ditanggung pihak Kerajaan Negeri melalui TPM80PP.

"Penduduk akan membayar RM44,200, kita (Kerajaan Negeri) bayar bakinya" jelasnya yang juga ADUN Datuk Keramat.

Skim yang layak memohon TPM80PP adalah projek rumah kos rendah dan sederhana rendah yang mana nilai semasa pembelian asal bernilai maksimum RM150,000.




**JAGDEEP Singh Deo (lima dari kanan) dan Yeoh Soon Hin (empat dari kanan) menyerahkan dokumen kelulusan berkaitan kepada wakil pengurusan Blok 21, Taman Lone Pine di sini baru-baru ini.**

## Inisiatif Dron, program komponen ketujuh STEM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**BAGAN DALAM** - Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang melaksanakan program komponen terbaru iaitu Inisiatif Dron demi mengukuhkan penguasaan STEM atau sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik dalam kalangan generasi muda.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy memberitahu bahawa sebelum ini, Kerajaan Negeri telah melaksanakan enam program iaitu Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC), Kluster Sains Pulau Pinang, *Penang Math Platform*, Penang CAT *(Career Assistance & Talent)*, Tech Dome Pulau Pinang (PTD) dan Perpustakaan Digital Pulau Pinang (PDL) demi mengukuhkan penguasaan inisiatif STEM.

"Satu lagi penambahan program baru-baru ini adalah *Drone Initiative* kerana kita (Kerajaan Negeri) memberi keutamaan kepada perkembangan STEM.

"Dengan menguasai teknologi dron ini, saya berharap kerja-kerja seperti pemetaan, bancian, tinjauan lapangan, pemeriksaan keselamatan dan sebagainya dapat dipermudahkan pada era Revolusi Perindustrian 4.0 sekarang ini," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai pada Majlis Perasmian Kursus Drone Initiative pada 26 Oktober 2018 di sini.

Ramasamy yang juga Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan, Pembangunan Modal Insan dan Sains, Teknologi & Inovasi turut menyempurnakan acara pemberian sijil tauliah kepada hampir 50 pelatih yang menyertai kursus itu.

Beliau menyatakan bahawa Kerajaan Negeri berharap dapat menganjurkan program *Drone Initiative* berkenaan dengan melibatkan pembiayaan sektor swasta, di bawah model perkongsian sektor awam dan swasta (PPP).

Berucap pada majlis sama, ADUN Bagan Dalam, M. Satees merakamkan penghargaan kepada Pejabat Ketua Menteri II kerana memilih Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) diwakilinya sebagai lokasi penganjuran kursus sulung itu.

Melalui kursus profesional seumpama berkaitan, tambahnya, ia akan menyedarkan orang awam mengenai fungsi sebenar dron, iaitu bukan hanya untuk merakam gambar kenang-kenangan secara santai sahaja.

"Saya begitu berharap lebih banyak lagi program latihan seumpama ini, terutama berkaitan industri dan teknologi serta Revolusi Perindustrian 4.0 dapat dilaksanakan di kawasan Butterworth, bagi meningkatkan kemahiran tenaga buruh," ujar Satees.

Dua Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), P. David Marshel dan K. Jason Raj turut menyertai majlis perasmian serta penyampaian sijil tauliah penerbangan dron kepada para pelatih berkenaan.




**PROF. Dr. P. Ramasamy (lima dari kanan), M. Satees (empat dari kanan), barisan Ahli Majlis MPSP dan wakil-wakil berkaitan memerhatikan demonstrasi dron pada penganjuran kursus *Drone Initiative* di sini baru-baru ini.**

# Insentif rai kecemerlangan kontinjen Negeri pikul amanat formula 5 'K' di SUKMA Perak

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri yakin hasil daripada dedikasi, semangat kental serta usaha gigih, kontinjen Pulau Pinang mampu merasai kejayaan unggul sebagaimana zaman kegemilangan sukan pada era 80-an dan 90-an.

Nada keyakinan itu disuarakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika menyampaikan ucapan pada Majlis Penyampaian Insentif Kepada Pemenang-pemenang Pingat Sukan Malaysia (SUKMA) Perak 2018 di sini 31 Oktober lalu.

Katanya, untuk mencapai hasrat tersebut, semua pihak iaitu Kerajaan Negeri, Exco, barisan kepimpinan serta persatuan-persatuan sukan perlu membuat dasar dan persiapan lebih awal.

"Saya sudah mencadangkan kepada Exco berkaitan bahawa mungkin boleh dapatkan satu penaja untuk satu acara sukan bagi tempoh dua tahun.

"Dengan sumber yang ada ini, atlet-atlet bagi setiap sukan boleh berlatih dan dapatkan kemudahan terbaik bagi mempamerkan prestasi cemerlang.

"Sumber kewangan sememangnya diperlukan untuk pembangunan sukan, dan kita (Kerajaan Negeri) akan pastikan Pulau Pinang tidak ketinggalan dalam bidang sukan serta berusaha untuk mencapai prestasi cemerlang pada masa akan datang," tegas




**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan bersama-sama barisan atlet pencak silat pada Majlis Penyampaian Insentif Kepada Pemenang-pemenang Pingat SUKMA Perak 2018 di sini baru-baru ini.**

beliau yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi pada majlis berkaitan di sini.

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee turut berucap pada majlis berkenaan.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri merangkap Chef De' Mission Kontinjen Pulau Pinang, Dato' Seri Farizan Darus, Frederick Tan Teck An (Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, MSNPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang (Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP) dan Dr. Amar Pritpal Abdullah (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Sungai Bakap merangkap Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri).

Kontinjen Pulau Pinang pada SUKMA Perak lalu berjaya mencatat kejayaan membanggakan dengan meraih keseluruhan 32 pingat emas, 30 (perak) dan 30 (gangsa).

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang merupakan ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong berpendapat bahawa bakat pelapis-pelapis muda perlu dicungkil dari peringkat sekolah rendah hingga ke (peringkat) seterusnya.

"Kita (Pulau Pinang) boleh mencapai kemenangan lebih besar bila tumpuan diberikan kepada semangat berpasukan, pengurusan dan mula mencungkil lebih banyak bakat pelapis muda dari sekarang," ujarnya.

Tambah Kon Yeow, sebagai penghargaan Kerajaan Negeri kepada para atlet yang berjaya menjulang pingat, insentif kemenangan berbentuk kewangan telah pun dikaji semula.

"Walaupun duit bukan segalanya, tapi mungkin jika tiada duit tiada kemenangan.

"Justeru, sejumlah RM309,600 diperuntukan sebagai insentif kewangan kepada para atlet, jurulatih dan juga persatuan," jelasnya sambil melaungkan sorakan *Uuoka!! Everyone Fights, No One Quits!* yang menjadi laungan semangat kepada semua atlet.

Dalam pada itu, Lip Chee ketika berucap membongkar formula 5 'K' yang diamanahkan kepada semua atlet kontinjen negeri sebelum bertarung di temasya sukan tersebut.

Menurutnya, 5 'K' yang perlu ada bagi setiap atlet adalah Keinginan, Keyakinan, Ketenangan, Kekuatan dan Kemenangan.

"Tapi, Ketua Menteri telah tambah satu lagi 'K' iaitu kewangan yang anda (atlet) terima kini setelah bertungkus-lumus hadiahkan pingat untuk Pulau Pinang," seloroh beliau.




**PASUKAN judo dan ahli keluarga masing-masing bergambar kenangan.**

## Struktur saliran lima lokasi *'hotspot'* banjir bakal dinaik taraf

**SUNGAI DUA –** Masalah struktur saliran di lima lokasi utama yang menjadi punca kejadian banjir membabitkan kawasan Parlimen Tasek Gelugor akan dinaik taraf, kata Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari.

Beliau berkata, tiga daripada lima lokasi terbabit adalah dekat kawasan Permatang Berangan iaitu di Kampung Desa Puri, Simpang Tiga serta Pengkalan Jarak, manakala dua lagi adalah di Sungai Dua iaitu dekat Sungai Merbau Kudung dan Sungai Pengkalan Machang.

"Kerja-kerja menaik taraf melibatkan pembersihan dan pendalaman sungai, pembinaan parit pintasan, penyelenggaraan ban (parit) serta pembesaran saiz *barrage* (empangan rendah) bagi menampung lebih kapasiti air.



**SALAH satu sungai yang bakal terlibat dalam projek naik taraf.**

"Semua projek menaik taraf ini adalah untuk jangka masa pendek kerana pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah pun merangka perancangan rapi bagi penyelesaian jangka masa panjang yang memerlukan peruntukan besar daripada Kerajaan Persekutuan," katanya pada sidang media selepas mengadakan lawatan tapak dekat lima lokasi berkaitan di sini 21 Oktober lalu.

Mengulas lanjut, Zairil memberitahu, sehingga September lalu, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM1.78 juta bagi melaksanakan 25 projek tebatan banjir di kawasan Parlimen berkenaan.



**ZAIRIL Khir Johari (lima dari kiri) bersama-sama wakil-wakil berkaitan pada lawatan tapak di sini baru-baru ini.**

"Kebanyakan sungai di negeri ini adalah hiliran dari negeri Kedah yang mana sekiranya mereka (Kedah) tidak menangani masalah banjir di sana, maka Pulau Pinang akan tetap mengalami banjir walaupun tidak berlaku hujan.

"Ini adalah salah satu masalah yang sedang kita hadapi," jelasnya sambil menzahirkan harapan agar Kerajaan Persekutuan dapat membantu menyelesaikan masalah berkenaan.

Selain itu, Zairil yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga menegaskan, selain masalah sistem saliran, sikap penduduk yang gemar membuang sampah di merata-rata tempat juga menyumbang kepada berlakunya kejadian banjir di negeri ini.

"Walaupun telah dinasihatkan berkali-kali, tapi saya dapati masih banyak sampah dibuang ke parit dan sungai sehingga menyebabkan berlaku banjir.

"Kos penyelenggaraan untuk membersihkan sungai-sungai menjadi tinggi dan sudah tentu menggunakan wang cukai rakyat.

"Oleh itu, saya tekankan sekali lagi bahawa penduduk di negeri ini tidak boleh membuang sampah di merata-rata tempat," tegasnya.

# Pendidikan, Kerajaan Negeri prihatin dan ambil berat

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**



**KETUA Menteri, barisan penganjur dan para peserta merakam gambar kenangan pada Majlis Perasmian Ceramah Motivasi dan Penyampaian Sijil Pecutan Terakhir SPM di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri menyeru ibu bapa, badan-badan bukan kerajaan (NGO) supaya bersama-sama pihak kerajaan bergerak secara aktif dan terancang bagi memberi sumbangan bermakna ke arah kecemerlangan generasi muda.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, budaya cemerlang perlu dipupuk dan disemai agar dasar pendidikan negara terus relevan serta menjadi penyumbang kepada kecemerlangan pendidikan anak-anak muda.

Katanya, selain Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Negeri, Kerajaan Negeri turut menyediakan insentif, bantuan serta pinjaman kepada pelajar-pelajar cemerlang hingga ke peringkat PhD.

"Ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri amat prihatin dan mengambil berat terhadap pendidikan khususnya memberikan peluang kepada semua untuk terus bersama-sama dalam pembangunan negeri Pulau Pinang.

"Diharap dengan bantuan seumpamanya ini ia akan membantu pelajar-pelajar meneruskan pengajian di peringkat tertinggi.

"Jangan kerana masalah kewangan, pelajar-pelajar ini tidak mempunyai peluang untuk mendapatkan hak mereka bagi menimba ilmu.

"Sememangnya banyak NGO selain pihak kerajaan yang sudi membantu golongan kurang kemampuan, justeru jangan jadikan ini sebagai penghalang kepada rakyat untuk mendapatkan pendidikan sebaik-baiknya," ujar beliau pada Majlis Perasmian Ceramah Motivasi dan Penyampaian Sijil Pecutan Terakhir SPM di sini 29 Oktober lalu.

Seramai 85 pelajar yang bakal menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menyertai kem tersebut yang dianjurkan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Cawangan Tanjong.

Hadir sama, Ketua Bahagian PPBM Tanjong, Mohamad Kamal Fairos dan Presiden Liga Muslim, Datuk Haja Najmudin Abdul Kadir.

Dalam pada itu, Kon Yeow yang juga Ahli Parlimen Tanjong berharap pembangunan ekonomi yang semakin maju dapat disokong oleh modal insan.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang amat bergantung kepada modal insan bagi mengisi pelbagai jawatan dalam industri kita, sama ada (industri) pembuatan mahu pun sektor perkhidmatan.

"Justeru, modal insan ini dapat kita latih dari peringkat sekolah hingga ke universiti dan secara tidak langsung pelajar-pelajar ini dapat membina jati diri, keyakinan serta mencapai prestasi yang lebih baik," jelasnya.

## Pulau Pinang, negeri yang terus utamakan sektor perumahan

**PANTAI JEREJAK** – Pameran Hartanah Sekunder dan Primer Malaysia (Maspex) 2018 menawarkan pilihan 5,000 hartanah daripada lebih 15 firma pempamer pada penganjurannya di sini.

Pameran anjuran Institut Ejen Hartanah Malaysia (MIEA) Cawangan Pulau Pinang berkaitan berlangsung selama empat hari bermula 25 hingga 28 Oktober 2018.

Pengerusinya, Mark Saw dalam ucapannya berkata, pameran Maspex tahun keenam tersebut merupakan yang terbesar penganjurannya dengan menawarkan lebih 5,000 hartanah tahap sekunder dan primer bermula dari dinamika harga di antara RM250,000 hingga lebih RM1 juta.

"Pasaran Pulau Pinang terus menunjukkan perkembangan dan daya tahan dalam menghadapi iklim pasaran hartanah mencabar kini," ujarnya yang mana majlis perasmian penganjuran disempurnakan Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo.

Pameran berkenaan turut disertai Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bagi mempromosikan rumah mampu milik (RMM) kepada orang ramai.

Dalam pada itu, Jagdeep menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus berusaha untuk memastikan stok rumah kos rendah (KR), kos sederhana rendah (KSR) dan RMM di negeri ini sentiasa mencukupi.

"Pulau Pinang akan terus menjadi negeri yang akan mengutamakan sektor perumahan.

"Setakat ini, sebanyak 28,195 unit KR, KSR dan rumah mampu milik (RMM) telah dibina. Kira-kira 22,065 unit perumahan kini berada dalam pelbagai peringkat pembangunan dan telah diluluskan untuk dibina (32,212).

"Saya yakin, dengan Kerajaan Pakatan Harapan baharu di Putrajaya, bukan sahaja warga Pulau Pinang, malah keseluruhan rakyat Malaysia akan menikmati dan diberi peluang mengakses rumah mampu milik (RMM) ini yang dahulunya diabaikan Kerajaan terdahulu," jelasnya.




**JAGDEEP Singh Deo pada penganjuran Maspex 2018 di sini baru-baru ini.**

## Budaya inovasi tingkatkan kecekapan, fungsi Bomba

**SEBERANG JAYA** - Inisiatif Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia menggalakkan budaya inovasi umumnya menyumbang kepada peningkatan kecekapan dalam kalangan anggota tugasan utama iaitu kerja-kerja memadam serta menyelamat masyarakat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Perasmian Penutupan Sambutan Hari Inovasi Tahun 2018 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Peringkat Kebangsaan.

"Inovasi ini menjadi penanda aras baru global, dan sudah tentu menuntut kepada keupayaan penciptaan yang bukan sahaja bersifat baharu, unik serta bermanfaat, tetapi juga mampu berfungsi sebagai pemangkin kepada kesejahteraan masyarakat," ujarnya dalam majlis yang berlangsung di sini 29 Oktober 2018.



**SEBAHAGIAN persembahan menarik yang dipersembahkan pada Majlis Perasmian Penutupan Sambutan Hari Inovasi Tahun 2018 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Peringkat Kebangsaan di sini baru-baru ini.**

Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah dan Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi turut merakamkan penghargaan atas kerja-kerja pencarian dan menyelamat dalam insiden runtuhan lereng di tapak pembinaan projek jalan raya berkembar Paya Terubong baru-baru ini.

Berucap pada majlis sama, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Yang Amat Setia Tuan Mohamad Hamdan Wahid memberitahu bahawa budaya kerja inovasi yang diterapkan menjadikan Jabatan Bomba dan Penyelamat terus relevan dalam memberi khidmat kepada masyarakat sehingga kini.

Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Jabatan Bomba dan Penyelamat, Yang Amat Setia Datuk Soiman Jahid serta Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pulau Pinang, Yang Setia Saadon Mokhtar antara tetamu kehormat dalam majlis jamuan malam berkenaan.

Selepas itu, Kon Yeow turut menyampaikan piala pusingan dan anugerah kepada para pemenang Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) bagi empat kategori induk yang dipertandingkan.

Pemenang, adalah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Pulau Pinang yang menjuarai Kategori Hybrid; diikuti Kumpulan Cooltech dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Sarawak (Kategori Primer); Kumpulan Bara dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur (Pemenang Pertandingan Inovasi) serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kedah (Anugerah Kualiti Ketua Pengarah.

# Exco gesa MAH segera teliti punca banjir kilat PIA

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** - Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian, Yeoh Soon Hin menggesa *Malaysia Airports Holdings* (MAH) untuk segera meneliti dengan lebih serius punca kejadian banjir kilat di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) setiap kali hujan lebat melanda.

Menurutnya, kejadian banjir kilat di PIA bukan sahaja akan merosakkan imej, malah memberi kesan negatif terhadap sektor pelancongan negeri sekiranya mutu perkhidmatan serta penyelenggaraan di lapangan terbang tersebut tidak ditangani dengan lebih efisien.

"Sebagai sebuah negeri pelancongan khususnya dalam kalangan pelancong asing, kejadian banjir kilat yang sering berlaku akan memberi imej buruk kepada negeri.

"Saya akan bertemu dengan pihak pengurusan PIA berbincang mengenai beberapa perkara berhubung kejadian banjir termasuk meningkatkan kemudahan dan perkhidmatan di lapangan terbang tersebut demi keselamatan serta keselesaan penumpang.

"Saya berharap semua pihak dapat bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk memastikan Pulau Pinang mencapai *standard* dan piawaian antarabangsa dalam penyampaian perkhidmatan dan infrastrukturnya," kata beliau dalam sidang media sejurus mesyuarat



YEOH Soon Hin.

MMK Pembangunan Pelancongan di sini 29 Oktober lalu.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Penang Global Tourism, Ooi Chok Yan.

Dalam kejadian banjir kilat baru-baru ini yang berpunca daripada hujan lebat selama dua jam, para penumpang pesawat *turboprop*, *Malindo Air* menuju ke Subang terpaksa meredah air (paras buku lali) selepas ruang menunggu di balai pelepasan, namun tiada masalah teknikal lain dilaporkan.

Malah, Pengurus Kanan PIA, Mohd. Nadzim Hashim melaporkan bahawa tiada kelewatan jadual penerbangan yang serius dan air surut dengan pantas selepas hujan berhenti.

Dalam perkembangan berkaitan, Soon Hin turut memaklumkan penambahan ketibaan penerbangan antarabangsa di PIA.

"Sehingga pertengahan Oktober tahun ini, jumlah ketibaan penerbangan antarabangsa ke Pulau Pinang melalui PIA meningkat kira-kira 15.72 peratus berbanding jumlah yang dicatatkan tahun lalu (2017).

"Malah, jumlah penumpang turut bertambah bagi tahun 2018, iaitu 1,297,158 penumpang berbanding 1,120,908 (2017).

"Bagi kekerapan ketibaan penerbangan antarabangsa pula sehingga Oktober 2018 adalah 293 berbanding 234 (2017)," jelasnya.

Tambah beliau, jumlah yang direkodkan itu adalah hasil promosi berterusan oleh Kerajaan Negeri dan agensi-agensi pelancongan tempatan yang mengadakan kerjasama dengan agensi luar negara seperti Taiwan, Vietnam, Filipina serta beberapa negara lain di Asia.

"Selain itu, penambahan penerbangan terus oleh *Air Asia* membabitkan laluan Hanoi - Pulau Pinang sejak 1 Julai lalu sebanyak empat kali seminggu dan juga Doha - Pulau Pinang oleh *Qatar Airways* sejak Februari lalu setiap hari menjadi penyumbang kepada penambahan ketibaan penerbangan antarabangsa ke Pulau Pinang.

"Penerbangan *Cathay Pacific* misalnya dari Hong Kong ke Pulau Pinang turut bertambah daripada 10 kali setiap minggu kepada 12 kali seminggu," jelasnya.

Berikut adalah jadual perbandingan jumlah kekerapan penerbangan antarabangsa pada tahun 2017 dan 2018 :-

**Kekerapan Penerbangan Antarabangsa**

| Sektor | Syarikat Penerbangan | Jumlah / Minggu (Oktober 2018) | Jumlah / Minggu (Disember 2017) |
|---|---|---|---|
| Doha | Qatar Airways | 4 | - |
| Suvarnabhumi (Bangkok) | Thai Smile | 10 | 10 |
| Don Mueang (Bangkok) | Air Asia | 14 | 14 |
| Hat Yai | Malindo Air | - | - |
| Phuket | Firefly | 7 | 5 |
| | Air Asia | 7 | - |
| Hanoi | Air Asia | 4 | - |
| Ho Chi Minh City | Air Asia | 7 | 5 |
| Hong Kong | Cathay Dragon | 12 | 10 |
| Singapura | Air Asia | 28 | 28 |
| | Silk Air | 35 | 35 |
| | Jetstar Airways | 14 | 14 |
| | Scoot | 14 | 14 |
| | Malindo Air | 7 | 7 |
| Medan | Air Asia | 37 | 28 |
| | Sriwijaya Air | 7 | 7 |
| | Lion Air | 14 | 14 |
| Jakarta | Air Asia | 14 | 10 |
| | Citilink | 14 | - |
| Surabaya | Air Asia | 5 | 5 |
| | Citilink | 7 | - |
| Banda Acheh | Firefly | 4 | 5 |
| | Malindo Air | 3 | - |
| Taipei | China Airlines | 7 | 6 |
| Guangzhou | China Southern Airlines | 14 | 7 |
| Sanya | Malindo Air | - | 1 |
| Wuhan | Malindo Air | - | 3 |
| Kunming | Lucky Air | 2 | 2 |
| Haikou | Malindo Air | - | 2 |
| Nanning | Malindo Air | 2 | - |
| Jumlah | | 293 | 234 |

# Rancangan pembesaran PIA diharap turut termasuk usaha tangani masalah banjir lokasi berkaitan, respons KM

**GEORGE TOWN** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap rancangan pembesaran dan menambah kapasiti Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) yang sedang diusahakan Kerajaan Persekutuan turut mengambil kira masalah banjir kilat yang kerap kali terjadi di lokasi berkaitan.

Kon Yeow sebagai respons kepada soalan diajukan media berhubung kejadian banjir di PIA pada 29 Oktober lalu berkata, masalah (banjir) itu sudah dihadapi sekian lama.

"Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta pengurusan PIA sememangnya pada masa dahulu sudah mengambil tindakan membina satu kolam penahanan air di bawah kawasan ketibaan.

"Tetapi, mungkin seperti mana-mana kemudahan yang ada, had dan kapasitinya adalah terhad.

"Maka, dalam situasi ini, usaha lain perlu diambil bagi menanganinya daripada berulang pada masa hadapan," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah dan Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi di sini.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Ceramah Motivasi dan Penyampaian Sijil Pecutan Terakhir SPM.

Justeru, Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong berharap terdapat usaha untuk menangani isu banjir tersebut dan dilaksanakan bersama-sama pembesaran PIA kelak.

"Kerajaan Negeri berharap di dalam rancangan untuk menambah kapasiti PIA akan turut termasuk usaha-usaha untuk menangani masalah ini," seru beliau.




# Projek Sungai Jelutong Diversion bakal manfaat kira-kira 300,000 penduduk

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**SUNGAI PINANG** - Kira-kira 300,000 penduduk tempatan yang selama ini berdepan dengan bencana banjir akibat limpahan air dari lembangan Sungai Pinang bakal mendapat manfaat selepas projek penarafan Sungai Jelutong Diversion siap kelak.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari memberitahu, kerja-kerja tanah dimulakan pada Mei lalu dan dijangka siap sepenuhnya pada Oktober 2019.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) memperuntukkan wang caruman sejumlah RM13.3 juta dalam projek awam tersebut demi mengurangkan lagi risiko banjir yang selama ini dialami oleh penduduk setempat.

"Sungai Jelutong Diversion ini merupakan sungai buatan dan merupakan alternatif bagi mengurangkan impak banjir yang sering berlaku di hilir sungai tersebut khususnya di lembangan Sungai Pinang," jelasnya ketika mengadakan lawatan ke tapak Projek Tebatan Banjir Sungai Pinang Diversion (Bawah Tanah) dekat Jalan Tengku di sini 1 November lalu.



ZAIRIL Khir Johari (bertali leher hijau), Lim Siew Khim dan wakil-wakil jabatan berkaitan meneliti pelan projek Sungai Jelutong Diversion pada lawatan tapak di sini baru-baru ini.



TAPAK projek kini.

ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim dan beberapa pegawai dari Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri turut sertai lawatan kerja tersebut.

Menurut Zairil, struktur bawah tanah sungai jadian 'Sungai Jelutong' itu dibina pada tahun 1973 lagi.

Bercakap pada sidang media sama, menurut wakil JPS, lembangan Sungai Pinang tersebut terdiri oleh enam sungai utama dan salah satunya adalah Sungai Jelutong.

"Ketika banjir, 15 peratus limpahan air diaruskan dari lembangan Sungai Pinang ke Sungai Jelutong sedia ada.

"Selepas Sungai Pinang Diversion siap kelak, kira-kira 4 peratus sahaja limpahan air akan diaruskan ke Sungai Jelutong sedia ada, manakala 11 peratus lagi akan dilencongkan melalui sungai jadian bawah tanah tersebut lalu terus dilepaskan ke laut," ujar beliau.

Dalam perkembangan berkaitan, kata Zairil, sepanjang kerja-kerja tanah secara berfasa di sini, beberapa jalan akan ditutup mengikut jadual seperti berikut:

*Fasa 1A – Jalan Jelutong ke Solok Perak (10 November 2018 – 30 Jun 2019)

*Fasa 1B – Solok Perak ke Jalan Jelutong (1 Julai 2019 – 17 Oktober 2019)

*Fasa 2 – Lencongan Jalan Tungku (10 November 2018 – 17 Oktober 2019)

*Fasa 3 – Persimpangan Jalan Jelutong (11 April 2019 – 30 Jun 2019)

## Geran program Saintis Muda TDP bakal manfaat pelajar ke arah revolusi Industri 4.0

**GEORGE TOWN** - Geran sebanyak RM150,000 diperuntukan Kerajaan Negeri kepada *Tech Dome Penang* (TDP) bagi membolehkan pihak berkaitan menjalankan program Saintis Muda untuk pelajar-pelajar sekolah rendah tahun ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, program tersebut bakal memanfaatkan kira-kira 5,000 pelajar sekolah rendah di negeri ini.

"Untuk program jangkauan Saintis Muda tahun ini, para pelajar akan didedahkan dengan teknik prinsip lukisan 3D dan blok bangunan berasaskan Revolusi Industri 4.0.



**KETUA Menteri beramah-mesra dengan sebahagian pelajar yang mengambil bahagian dalam penganjuran program Saintis Muda di sini baru-baru ini.**

"Sehingga kini, sebanyak 23 program telah dijalankan membabitkan lima daerah di Pulau Pinang, dan ia telah memberikan pengalaman berharga kepada lebih 2,000 pelajar sekolah rendah," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Beliau berkata demikian pada penganjuran program berkaitan membabitkan Kawasan Dewan Undangan Negerinya di sini 20 Oktober lalu.

Kira-kira 100 pelajar menimba pengalaman selama dua hari bagi mempraktikkan teknik lukisan 3D dan blok bangunan yang dijalankan di TDP.

Difahamkan, program Saintis Muda berkaitan telah dimulakan sejak 22 Jun lalu yang mana sesi pertama membabitkan KADUN Seri Delima.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif TDP, Dr. Khong Yoon Long.

## Pelan Induk Perparitan Daerah Timur Laut lulus, umum Exco

**SUNGAI PINANG** - Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari berkata, Pelan Induk Perparitan Daerah Timur Laut telah diluluskan pada 30 Oktober lalu.

"Sebenarnya, kita membuat Pelan Induk Perparitan di kelima-lima daerah di Pulau Pinang.

"Ia akan menjadi garis panduan atau pelan induk jangka panjang sehingga tahun 2030, bagi mengatasi masalah banjir serta menaik taraf sistem saliran sedia ada... berdasarkan MSMA (Manual Saliran Mesra Alam)," jelasnya ketika mengadakan lawatan ke tapak Projek Tebatan Banjir Sungai Jelutong Diversion (Bawah Tanah) dekat Jalan Tengku di sini 1 November lalu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim dan beberapa pegawai dari Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri turut sertai lawatan kerja tersebut.

Menurut Zairil, Pelan Induk Perparitan Daerah Seberang Perai Tengah siap pada 2016 diikuti Daerah Seberang Perai Selatan (tahun lepas).

"Untuk (Pelan Induk Perparitan) Daerah Barat Daya, tahun depan (2019) kita akan buat penilaian semula...untuk daerah SPU (Seberang Perai Utara) akan siap pada Disember tahun ini," ujarnya yang juga ADUN Tanjong Bunga.

Mengulas lanjut, Zairil menyatakan bahawa kos pemajuan semua projek di bawah Pelan Induk Perparitan Daerah Timur Laut dianggarkan menelan belanja hampir RM1 bilion.

"Cadangan tersebut merangkumi beberapa perkara seperti (projek pembinaan) kolam takungan, penambahbaikan sungai, penambahbaikan sistem saliran sedia ada, pembinaan jambatan, pembinaan pintasan perparitan serta (pembinaan) rumah pam.

"Pelan Induk Perparitan (Daerah Timur Laut) ini juga turut mengenal pasti bahawa lembangan Sungai Pinang adalah punca utama banjir di kawasan ini.

"Maka, projek yang bakal dijalankan iaitu Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang telah diluluskan Kerajaan Persekutuan sudah tentu akan merangkumi aspek-aspek dicadangkan dalam pelan induk ini.

"Kalau kita dapat melaksanakan sepenuhnya semua projek (bernilai RM1 bilion) ini, dapatlah kita mengurangkan risiko banjir selama 100 tahun ARI (Ulang Tahun Kejadian)," katanya sambil mengharapkan segala yang dirancang dapat dilaksanakan secara berperingkat.

# Pertandingan pendidikan lalu lintas lahirkan pengguna jalan raya berhemah

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**



ZAIRIL Khir Johari (empat dari kiri), Teh Lai Heng (tiga dari kiri) dan Lim Hock Seng (dua dari kanan) ketika menyampaikan hadiah kepada salah seorang wakil pemenang pada Majlis Penutupan Pertandingan Pendidikan Lalu Lintas Sekolah-sekolah Negeri Pulau Pinang 2018 di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** – Pertandingan Pendidikan Lalu Lintas Sekolah-sekolah Negeri Pulau Pinang anjuran Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) Pulau Pinang sejak 2016 adalah penting dalam usaha mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di negara ini.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari berkata, program berkenaan berpotensi menjadi platform untuk mempromosikan kesedaran dan tanggungjawab dalam kalangan pelajar mengenai isu keselamatan jalan raya sejak di bangku sekolah.

"Malaysia terkenal dengan kadar kematian di jalan raya yang agak tinggi malah antara tertinggi di dunia, dan jika dilihat kepada statistik dikeluarkan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS), sebanyak 7,152 kes kematian di jalan raya pada tahun 2016 dicatatkan.

"Justeru, perkara ini harus diberi perhatian serius, dan saya berpendapat cara yang paling berkesan adalah dengan memberi pendidikan dan pengajaran mengenai keselamatan jalan raya sejak di bangku sekolah agar dapat melahirkan pengguna jalan raya berhemah serta bertanggungjawab," ucapnya pada Majlis Penutupan Pertandingan Pendidikan Lalu Lintas Sekolah-sekolah Negeri Pulau Pinang 2018 dekat Taman Lalu Lintas Bodhi Avenue di sini 1 November lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar merangkap Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri, Teh Lai Heng; Ketua Seksyen Pengangkutan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, BPEN, Dato' Lim Hock Seng; Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) Negeri Pulau Pinang, N. M. Thurkah Thevi; barisan pengetua; guru-guru dan para pelajar dari 10 sekolah rendah dan menengah terpilih seluruh negeri.

Mengulas lanjut, Zairil menjelaskan bahawa satu usul telah diutarakan dalam Mesyuarat Agung Tahunan MKJR di Kuala Lumpur pada 30 Oktober lalu oleh wakil Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang kepada Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook agar pertandingan pendidikan lalu lintas boleh diadakan kembali di peringkat kebangsaan.

"Saya kira usul yang dicadangkan adalah satu lagi kejayaan dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai salah satu contoh negeri yang amat mengambil berat akan soal keselamatan jalan raya," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Unit Ko-Kurikulum, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang, Zulkafli Kamaruddin semasa berucap mewakili Pengarah Pendidikan Negeri Pulau Pinang menyatakan bahawa penganjuran program pertandingan lalu lintas adalah signifikan dengan perkembangan semasa demi mendidik kanak-kanak ke arah penggunaan jalan raya yang berhemah sekaligus dapat kurangkan kadar kemalangan jalan raya.

Difahamkan, Pertandingan Pendidikan Lalu Lintas Sekolah-Sekolah Peringkat Negeri Pulau Pinang merupakan gantian kepada Pertandingan Shell Game yang dihentikan sejak tahun 2015.

Program terbabit adalah terdiri daripada dua kategori iaitu Pertandingan Pendidikan Lalu Lintas dan Pertandingan Kelab Keselamatan Jalan Raya.

Pada tahun ini, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Union dinobatkan sebagai juara keseluruhan Pertandingan Pendidikan Lalu Lintas selepas berjaya mengumpul 168 mata menewaskan sembilan sekolah lain yang turut terpilih mewakili setiap daerah di negeri ini.

Selain MKJR, program berkenaan juga mendapat kerjasama daripada JPN, JKJR, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JKR) serta pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan.

# Projek Tebatan Banjir Bayan Baru, inisiatif Negeri tingkat daya tahan hadapi perubahan iklim serta risiko banjir

**BAYAN LEPAS -** Projek Tebatan Banjir Bayan Baru yang menelan belanja RM20.1 juta dan dijangka siap dalam tempoh dua tahun bakal meningkatkan lagi daya tahan penduduk menghadapi risiko bencana di sekitar kawasan ini.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, projek berimpak tinggi itu merupakan salah satu daripada lapan projek bernilai RM150 juta hasil sumber peruntukan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang.

"Melalui projek seperti (projek) tebatan banjir di kawasan Bayan Baru ini, kita (Kerajaan Negeri) berharap dapat membina daya tahan, supaya kita dapat mengurangkan impak kepada bencana yang mungkin berlaku akibat daripada perubahan iklim," jelasnya ketika merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek Tebatan Banjir Bayan Baru di sini 5 November 2018.

Turut berucap, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga dan Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri, Mohd. Azmin Hussin.

Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain; ADUN Teluk Bahang, Zolkifly Md. Lazim dan Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang turut sertai majlis rasmi Kerajaan Negeri itu.

Ketika berucap, Zairil memberitahu, majlis pecah tanah berkenaan adalah signifikan kerana genap setahun bencana banjir besar melanda negeri ini, iaitu pada 4 dan 5 November 2017.

Tambah beliau, komponen pemajuan dalam projek tebatan banjir Bayan Baru yang akan dilaksanakan tersebut adalah terdiri daripada sebuah rumah pam berkapasiti 12 meter padu per saat, *collector drain* sepanjang 1,250 meter (m), naik taraf *road side drain* sepanjang 140 m.

"Keempat-empat komponen ini akan membantu mengurangkan banjir yang sering berlaku di Jalan Mahsuri, Persiaran Mahsuri 1, Persimpangan Jalan Tun Dr. Awang, Jalan Mayang Pasir, Jalan Tengah, Jalan Dato' Ismail Hashim dan secara tidak langsung akan mengurangkan magnitud banjir hulu Sungai Relau," ujar Zairil.



# Kerja baik pulih tebing runtuh Jalan Bukit Lama jangka siap Februari atau Mac 2019 – Exco

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**GEORGE TOWN -** Kerja-kerja membaik pulih tebing runtuh dekat Jalan Bukit Lama membabitkan laluan dari Bayan Lepas ke Balik Pulau dijangka bermula pada tempoh terdekat.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari berkata, pihaknya telah dimaklumkan bahawa Jabatan Kerja Raya (JKR) Persekutuan meluluskan peruntukan sebanyak RM1. 7 juta bagi tujuan berkaitan.

"Susulan lawatan ke tapak tebing runtuh pada 5 November lalu, saya telah membuat permohonan, dan dua hari selepas itu, melalui surat JKR Pusat sejumlah RM1.7 juta telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

"(Dan) kerja-kerja baik pulih dijangka minggu hadapan selepas surat lantikan kontraktor keluar Isnin ini," ujarnya pada sidang media sejurus sesi perbentangan Belanjawan 2019 Pulau Pinang dekat Dewan Undangan Negeri di sini 9 November lalu.

Menurut Zairil, kerja-kerja akan mengambil masa antara tiga hingga empat bulan bergantung kepada keadaan cuaca.

"Dijangkakan, kerja-kerja baik pulih ini akan siap dalam bulan Februari atau Mac tahun hadapan.

"(Dan) sepanjang kerja-kerja baik pulih dijalankan, hanya separuh jalan dibuka (satu lorong), itupun hanya untuk kenderaan ringan sahaja," jelasnya.

Dalam kejadian pada 23 Oktober lalu, tebing di laluan menuju ke Balik Pulau dari Bayan Lepas runtuh dipercayai akibat hujan lebat berlarutan.

Ekoran itu, jalan yang merupakan Jalan Persekutuan itu, ditutup untuk kenderaan berat buat sementara waktu.



**ZAIRIL Khir Johari (empat dari kanan) bersama-sama wakil-wakil terlibat meninjau keadaan runtuhan cerun laluan Bukit Lama dari Bayan Lepas ke Balik Pulau di sini baru-baru ini.**



# Kontraktor Kelas F perlu berani untuk bersaing dengan lebih hebat – Ahmad Zakiyuddin

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **PERKOBF**

**GEORGE TOWN -** Kontraktor Kelas F perlu berani untuk bersaing dengan lebih hebat dalam merebut tender atau projek Kerajaan di Pulau Pinang.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata, persaingan itu penting bagi memastikan kualiti atau mutu kerja kontraktor Kelas F terjamin sekaligus mengelak kontraktor konsesi dikenakan tindakan kerajaan.

"Sejak Kerajaan Negeri berpindah tangan pada tahun 2008, saya mendapati begitu banyak kontraktor Bumiputera yang berani bersaing di Pulau Pinang, mereka berjaya menyiapkan projek mengikut jadual serta kualiti kerja mereka juga sangat baik.

"Justeru, PERKOBF (Persatuan Kontraktor Bumiputera Kelas F) mesti mengekalkan pencapaian ini," jelasnya ketika merasmikan Majlis Mesyuarat Agung Kali Ke-6 PERKOBF Malaysia Cawangan Negeri Pulau Pinang dekat Dewan Seminar At-Taqwa di sini 21 Oktober 2018.

Pada majlis sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus turut berucap serta merasmikan penubuhan Kelab Sukan PERKOBF (KEPERKOBF).



**IR. Ahmad Zakiyuddin (berdiri, tiga dari kanan) dan Farizan Darus (dua dari kanan) menyaksikan majlis sesi tandatangan MoU antara pihak-pihak berkaitan di sini baru-baru ini.**

Hadir sama, Presiden PERKOBF Malaysia, Tukiman Radion; Yang di-Pertua PERKOBF Cawangan Negeri Pulau Pinang, Muhamad Razif Zakaria dan Pengarah Urusan Area Padu Sdn. Bhd. (Kontraktor G7), Ahmad Rahiza Abd. Jalil.

Pada majlis sama, Ahmad Zakiyuddin dan Farizan turut menyaksikan sesi tandatangan Memorandum Persefahaman (MoU) antara Ahmad Rahiza dan pihak PERKOBF bagi program *'Mentor-Mentee'* serta mewujudkan usahasama dalam bentuk memberi peluang kerja serta tawaran sebut harga.

Mereka kemudian dibawa melawat gerai pameran di sini.

Sebelum itu, para perwakilan PERKOBF berikrar bahawa Kontraktor G1 juga mampu berdaya saing, kompeten serta mempunyai pengkhususan kepakaran dalam bidang masing-masing, sehingga boleh menyiapkan projek yang diberikan dengan sempurna serta mendapat pengiktirafan tinggi.

Muhamad Razif ketika berucap, turut menzahirkan harapan agar PERKOBF diberi peluang untuk melaksanakan projek Kerajaan secara integriti dan produktif.

"(PERKOBF) harap dikuatkuasakan semula Akta Perbendaharaan 182 iaitu akta yang menyatakan semua jabatan bukan teknikal hendaklah mendapatkan perkhidmatan daripada Jabatan Tenikal seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) atau Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi melaksanakan semua projek," ujarnya.

## Perwakilan Dewan Belia Butterworth mungkin anggotai Parlimen Belia kelak, kata Timbalan Menteri

**BAGAN DALAM -** Hasrat menurunkan umur layak daftar mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun sebenarnya suatu risiko terhadap Kerajaan Persekutuan era 'Malaysia baharu', namun penting dalam meneruskan usaha mengorak negara ke arah lebih progresif.

"Menurunkan umur (layak daftar) undi kepada 18 tahun sebenarnya satu risiko terutamanya kepada Kerajaan.

"Mengapa... anak muda ini ada semangat, mungkin suka bertentangan dengan *'status quo'* (keadaan sebagaimana sedia ada tanpa dibuat sebarang perubahan).

"Mereka akan ada pandangan sendiri, jadi mana-mana yang jadi Kerajaan, mereka akan takut dengan orang muda (kerana) susah nak kawal.

"Tetapi, untuk Kerajaan 'Malaysia baharu' ini, ia merupakan suatu risiko demokrasi yang kita sanggup ambil," ujar Timbalan Menteri Belia & Sukan, Steven Sim Chee Keong ketika mempengerusikan mesyuarat Dewan Belia Butterworth 2018 yang julung-julung kalinya diadakan di sini 27 Oktober 2018.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, M. Satees serta dua Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Calvin Krish dan P. David Marshel turut sertai persidangan tersebut.

Dalam perkembangan berkaitan, Chee Keong yang juga Ahli Parlimen Bukit Mertajam memberitahu bahawa Kementeriannya turut merancang untuk mengubah suai beberapa perkara pada sistem Dewan Belia sedia ada demi mengangkat lagi suara pemimpin belia di tanah air ini.

"Kita (Kementerian) tengah mengubah suai (serta) memperbaiki (sistem) Parlimen Belia ini.

"Mungkin suatu hari nanti, dari Dewan Belia Butterworth boleh jadi Ahli Parlimen Belia.

"Kita mahu Parlimen Belia ini nanti betul-betul mewakili suara anak muda, bukan hanya mewakili suara parti politik ataupun suara pihak tertentu sahaja.

"Ini bermakna, proses mengundi, proses pencalonan dan proses berkempen, semuanya kena telus dan kena pastikan supaya akhirnya siapa yang dapat undi itu boleh bertanggungjawab kepada pemimpin mereka.

"Kita nak pastikan Parlimen Belia ini adalah yang sebenar...kita nak pastikan Parlimen Belia ini adalah usaha yang sebenar (iaitu) tak guna saya (Menteri) kata 'anda semua ahli Parlimen Belia' tapi hanya ada kuasa buat cadangan...kita (Kementerian) nak Ahli Parlimen Belia juga ada kuasa membuat keputusan," tegasnya.



**STEVEN Sim Chee Keong (tiga dari kanan) dan M. Satees (dua dari kiri) ketika mempengerusikan mesyuarat Dewan Belia Butterworth 2018 di sini baru-baru ini.**



| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.10 SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109<br>(F) 04 - 390 5109 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 313 3990 |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 8133 509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Zulkifli Ibrahim<br>n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikus@dappg.org | (T) 04 - 228 5298<br>(F) 04 - 229 4294 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Gooi Zi Sen<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Syerleena Abdul Rashid<br>32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Dato' Saifuddin Nasution | (T) |
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| **N.39 PULAU BETONG**<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| **N.40 TELUK BAHANG**<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |
| - | (T) |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Nor Hafizah Othman | (T) |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>Md. Khalil Salleh<br>novafast63@gmail.com | (T) 012 - 598 4881 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>Dato' Jasmin Mohamad<br>jmmohamed002@gmail.com | (T) 018 - 468 6610 |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>Yusri Isahak<br>ysrregnot@gmail.com | (T) 019 - 337 4055 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |

| | |
|---|---|
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## Kalendar Pelancongan




8hb - 9hb Disember 2018
***Penang International Dragon Boat Festival***

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2018

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| Anuar Yusoff | 016 - 461 6390 |
| A'ziss Zainal Abiddin | 017 - 938 9192 |
| Cheen Goon Hooi | 012 - 402 0923 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 012 - 507 2229 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| Jason Raj a/l Kirupanantha | 014 - 905 8113 |
| Johnson a/l Anthonysamy | 012 - 424 5745 |
| Kang Yau Chuang | 010 - 829 3904 |
| Khong Chee Seong | 011 - 1522 6628 |
| Kumaran A/L Krishnan | 012 - 464 4697 |
| Marshidaliza Marzuki | 011 - 3929 9023 |
| Mohd Saifullah Abd. Nasir | 013 - 770 1001<br>013 - 503 3349 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Mohamad Akmal Azhar | 019 - 518 5145 |
| Ong Jing Cheng | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tengku Rasidah Tengku Kamarudin | 019 - 473 1323 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Elemperu Valuthi | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 04 - 650 5556<br>018 - 467 0037 |
| 2. | Abdul Rahim Mohamed Nor | Barat Daya | Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau. | 016 - 482 3549 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas. | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | Pejabat Bangunan MPSP , Jalan Betek, Bukit Mertajam | 019 - 457 2271 |
| 5. | Nakulan A/L Muthumanikam | Seberang Perai Selatan | Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi. | 010 - 462 0073 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2018

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 019 - 541 4818 |
| Aidi Akhbal Mohamed Zainon | 012 - 464 3004 |
| Azahari Aris | 016 - 499 2580 |
| Azli Ibrahim | 011 - 2432 9007 |
| Dr. Chee Heng Leng | 017 - 333 9366 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Gerald Mak Mun Keong | 016 - 452 6499 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan | 010 - 505 5571 |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan | 012 - 407 7276 |
| Latifah Hussainsa | 013 - 436 1999 |
| Nurliyana Mohd Ramzi | 011 - 3922 4080 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Ong Kean Peng | 012 - 629 1133 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Saiful Azwan Abd. Malik | 016 - 463 2787 |
| Shahrudin Mohamed Shariff | 012 - 428 3160 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Seng Keat | 012 - 438 6191 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Vino Dini a/p Chandragason Pitchy | 016 - 439 9358 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com



Layari
www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow

# PPPP masih berdaya saing, KM hasrat mohon sebanyak mungkin peruntukan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PULAU TIKUS -** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang bakal meneruskan model pembangunan negeri sedia ada iaitu perkongsian awam, swasta, profesional dan rakyat (PPPP), kata Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika diminta mengulas mengenai pembentangan Belanjawan 2019 Pusat baru-baru ini.

Kon Yeow yang merupakan Ketua Menteri mengaku bahawa memang ada segelintir pihak menganggap Kerajaan Negeri seakan tidak perlu lagi bantuan Kerajaan Persekutuan jika dilihat pada Pulau Pinang yang kian pesat membangun.

Pun begitu katanya, Pulau Pinang akan berusaha mendapatkan sebanyak mungkin peruntukan Persekutuan melalui proses rundingan dan permohonan susulan lanjut, berdasarkan belanjawan yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 2 November lalu.

"Kami (Kerajaan Negeri) akan terus memanfaatkan model *'Public, Private, Profesional, People Partnership'* (PPPP) untuk melaksanakan projek-projek yang telahpun dirancang di peringkat negeri.

"Projek-projek ini akan dilaksanakan dengan menggunakan model (PPPP) ini, tanpa menggunakan dana awam (Kerajaan Negeri)... sudah tentu model PPPP ini masih berdaya saing.

"Pihak Kerajaan Negeri akan bertindak sebagai fasilitator, Pihak Berkuasa Negeri yang memberikan kelulusan... kita (Kerajaan Negeri) mengalu-alukan inisiatif sektor kewangan bukan kerajaan untuk menjana pertumbuhan (ekonomi) Pulau Pinang.

"Kerajaan Negeri akan memainkan peranannya untuk menyediakan lebih banyak tanah, sementara MITI (Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri) membawa inisiatif (pelabur); industri kecil dan sederhana




(IKS) pula akan menyokong sistem kitaran (ekonomi) ini," jelas Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah dan Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi pada sidang media di sini.

Respons itu disampaikan selepas beliau merasmikan suatu program keraian mereka yang berjaya sembuh daripada penyakit barah di Taman Belia pada 4 November 2018.

Beberapa Exco Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) serta pihak-pihak berkepentingan lain turut sertai acara tersebut.

Kon Yeow yang juga Ahli Parlimen Tanjong turut mengulas belanjawan itu yang menyatakan mengenai langkah Kerajaan Persekutuan melaksanakan defisit fiskal dalam tempoh tiga tahun ini, demi memperbaiki keadaan kewangan Persekutuan.

"Sudah tentu kami masih akan cuba mendapatkan pembiayaan Persekutuan sebanyak yang boleh.

"Kerajaan Negeri masih boleh memohon apa-apa peruntukan di bawah pelbagai tajuk (dalam Belanjawan) supaya kita (sekurang-kurangnya) mendapat sesuatu," ujarnya.

Beliau yang juga ADUN Padang Kota menyatakan bahawa pihaknya telah memanjangkan kepada Menteri Kewangan, Lim Guan Eng mengenai beberapa hasrat untuk mendapat peruntukan Persekutuan berwajib, bagi melaksanakan projek pembangunan negeri serta membawa manfaat kepada rakyat.

## Laksana sendiri levi hotel bakal dipertimbang Kerajaan Negeri

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang akan mempertimbang semula sama ada mahu meneruskan kutipan levi hotel atau sebaliknya.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata demikian selepas mengambil kira hasrat Kerajaan Pusat melalui Belanjawan 2019 Persekutuan yang mahu melaksanakan sistem cukai itu.

"Sebenarnya, kutipan levi (hotel) ini dimulakan di peringkat negeri (Pulau Pinang) sejak 2014.

"Dengan kutipan yang (akan) dilaksanakan oleh Kementerian, dengan perkongsian 50 peratus daripada hasil itu, kita (Kerajaan Negeri) akan mempertimbang sama ada negeri akan meneruskan (kutipan levi hotel) atau tidak," jelasnya yang juga Ahli Parlimen Tanjong dalam sidang media di sini 6 November 2018.

Pun begitu, Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota mengalu-alukan langkah Kementerian untuk melaksanakan kutipan levi hotel termasuk di Pulau Pinang.

"Tapi, kita amat mengalu-alukan hasil kutipan itu dalam lingkungan RM10 juta (setahun) atau mungkin lebih sedikit, akan digunakan sepenuhnya untuk mempromosi lagi sektor pelancong serta menarik lebih ramai pengunjung ke Pulau Pinang," ujarnya.

# Exco Perumahan gembira Bajet 2019 Pusat bawa limpahan peruntukan untuk B40

**BATU LANCANG -** Peruntukan dana RM1 bilion kepada Bank Negara Malaysia (BNM) bagi membantu golongan B40 iaitu mereka berpendapatan isi rumah bawah RM2,300 untuk pembelian rumah mampu milik (RMM) pada harga maksimum RM150,000 antara perkara yang disebutkan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng ketika membentangkan Belanjawan 2019 Pusat di Dewan Rakyat 2 November lalu.

Mengulas lanjut, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo menzahirkan rasa gembira dengan limpahan peruntukan kepada golongan B40 yang berhasrat membeli rumah.

"Saya begitu gembira apabila beberapa perkara yang telah saya kemukakan senarai (harapan saya) sebelum pembentangan belanjawan ini, telah disediakan peruntukan dana (dalam Belanjawan 2019 Pusat).

"Skim (perumahan) ini untuk seluruh negara kerana ini belanjawan tahunan di peringkat nasional, sebab ini bukan belanjawan Pulau Pinang.

"Saya akan terus mencuba untuk mendapatkan peruntukan berwajib supaya Belanjawan 2019 Pusat ini memberi keutamaan kepada (sektor perumahan) Pulau Pinang," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat ketika merasmikan Projek Penarafan Tokong Teong Leng Keong di sini 4 November 2018.

Jagdeep dalam pada itu turut mengalu-alukan langkah Persekutuan melaksanakan pengecualian Cukai Keuntungan Harta Tanah (RPGT) bagi rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik di bawah RM200,000.



**JAGDEEP** Singh Deo.

Beliau turut memandang positif pengumuman Guan Eng mengenai peruntukan RM1.5 bilion untuk meneruskan projek-projek perumahan Persekutuan, termasuk di Pulau Pinang.

"Saya akan terus memohon Kerajaan Persekutuan untuk memberi keutamaan kepada Pulau Pinang, yang telah diberikan dana yang minimum untuk perumahan dalam dua penggal terdahulu," ujarnya.

Sebelum itu, Jagdeep ketika berucap mengumumkan peruntukan di bawah Tabung Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) sebanyak RM50,000 untuk kerja-kerja penaiktarafan berwajib.

"Setakat ini, sejumlah 107 permohonan telah diluluskan di bawah tabung ini, yang berjumlah RM4.9 juta," katanya.




# SPH bantu usahawan Negeri gandakan impak dalam perniagaan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SEHINGGA** kini, seramai 3,060 usahawan Pulau Pinang telah menerima manfaat daripada Skim Pinjaman Harapan (SPH) atau dahulunya dikenali sebagai Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR).

Menyedari usahawan adalah masa depan yang mampu memacu negeri ke arah kemajuan, SPH yang dikendalikan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang ditubuhkan pada tahun 2009 sebagai platform kepada golongan berkenaan untuk berdikari serta memohon bantuan dalam menjalankan perniagaan masing-masing.

Skim yang menawarkan sistem penyaluran modal tambahan mudah dan tidak membebankan penjaja serta peniaga kecil berkaitan adalah selari dengan matlamat mewujudkan rangkaian usahawan operasional serta secara tidak langsung mempertingkatkan taraf kehidupan rakyat melalui pinjaman perniagaan.

Pengurus Bahagian Pembangunan Usahawan PDC, **KU ZALEHA KU ISKANDAR** ketika ditemui baru-baru ini berkata, SPH yang telah dijenamakan semula tersebut adalah penambahbaikan kepada skim PTSR sedia ada dengan jumlah pinjaman permulaaan dari RM1,000 sehingga maksimum RM25,000.

"Kami ingin memberi peluang kepada usahawan untuk memacu inisiatif perniagaan mereka sendiri, dan kerana itulah SPH ditubuhkan supaya dapat membantu golongan berkaitan dengan jumlah dana RM11 juta.

"Ia adalah platform menyediakan peluang bagi membantu usahawan untuk memulakan, mengekalkan, berkembang dan mengandakan impak dalam perniagaan yang dijalankan," ujarnya sambil berharap langkah penjenamaan semula tersebut akan mempromosikan lagi skim berkenaan yang terbuka kepada semua kaum di Pulau Pinang.

## Skim pinjaman

Ku Zaleha berkata, SPH merupakan satu skim tanpa cagaran dan penjamin serta tiada caj pengurusan untuk tahun pertama.

"Tempoh bayaran balik di antara 12 hingga 24 bulan untuk Skim 1 dengan jumlah pinjaman antara RM1,000 hingga RM5,000.

"Manakala, bagi tempoh bayaran balik di antara 24 hingga 36 bulan untuk Skim 2 hingga 5 akan dikenakan caj pengurusan lapan peratus setahun dengan nilai pinjaman bermula dari RM6,000 sehingga RM25,000.

"Malah, PDC turut memperkenalkan pinjaman secara *'leap-loan'* dengan melangkau satu skim untuk mendapatkan modal tambahan yang lebih, tetapi ianya tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan," jelasnya lanjut. (Rujuk Lampiran A).

Mengulas lanjut, Ku Zaleha memberitahu bahawa pengundi di Pulau Pinang yang berstatus warganegara berumur di antara 18 hingga 60 tahun adalah layak untuk membuat permohonan tersebut.

"Pemohon mestilah berniaga dan menetap di Pulau Pinang, perniagaan tersebut telah melebihi tempoh enam bulan, nama tidak disenarai hitam (CTOS) serta mempunyai lesen perniagaan serta Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM) yang sah.

"Pinjaman ini lebih kepada pinjaman mikro iaitu kepada usahawan yang mengusahakan gerai makanan dan minuman, kedai, perkhidmatan, pasar malam atau pasar pagi, pembuatan seperti kek, biskut, makanan sejuk beku, perniagaan *online* serta kendara saji *(FoodTruck)*," katanya.



KU Zaleha Ku Iskandar.

## Promosi dan pembangunan usahawan

Dalam pada itu, tambah Ku Zaleha, selain menyediakan dana kepada usahawan berminat, usahawan-usahawan ini juga disediakan dengan latihan, kursus, bimbingan dan kemahiran yang betul sejajar dengan era internet kini.

"PDC juga ada menganjurkan kursus untuk keperluan usahawan, contohnya untuk uruskan duit modal, menjalankan perniagaan *online* dan kaedah mempromosikan perniagaan melalui platform *online*, media sosial dan *YouTube*.

"Yang mana popular dalam kalangan usahawan dan sekiranya ada permintaan daripada mereka (usahawan), kita akan cuba sediakan untuk mendedahkan golongan berkaitan dengan topik-topik yang boleh membantu ke arah perniagaan cemerlang.

"Bermula tahun hadapan (2019), Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Keusahawanan telah bersetuju untuk mendedahkan usahawan-usahawan ini dengan medium *online*, sejajar dengan era teknologi kini.

"Contohnya, seperti *Lazada*, produk usahawannya merentasi tempat, masa dan sempadan, justeru kita pun tak nak usahawan-usahawan di Pulau Pinang ketinggalan," ujarnya yang turut memaklumkan bahawa PDC kini dalam proses mengumpul data dan kriteria ke arah tujuan tersebut.

Bercakap mengenai pembangunan usahawan, Ku Zaleha menyatakan bahawa PDC juga memperkenalkan Anugerah Usahawan Cemerlang dalam kalangan peminjamnya.

Ulas beliau, usahawan yang mempunyai rekod pembayaran baik, maju dan ada peningkatan dalam perniagaan akan dipertimbangkan untuk menerima anugerah ini.

"Anugerah ini lazimnya kita adakan dalam tempoh satu hingga dua tahun bergantung kepada keperluan.

"Dengan cara ini (anugerah), ia akan turut memberikan semangat kepada usahawan lain untuk terus berusaha dan secara tidak langsung warga negeri turut akan mengetahui tentang pinjaman yang disediakan Kerajaan Negeri dan PDC ini.

"Di samping itu, sekiranya ada pameran-pameran di luar Pulau Pinang di bawah MMK Keusahawanan, mereka akan diundang dan berpeluang mempromosikan produk mereka di luar.

"Contohnya, seperti Medan (Indonesia) dan Thailand, sekiranya kita mempunyai gerai pameran yang banyak, usahawan akan dijemput untuk bersama-sama PDC dan Kerajaan Negeri untuk mempamerkan barangan Pulau Pinang ke negeri dan negara luar.

"Ataupun, jika mereka tidak ingin serta, kita juga akan bawa produk usahawan yang telah dipilih secara rawak untuk dipromosikan," katanya.

## Permohonan

Menurut Ku Zaleha, borang permohonan boleh diakses melalui laman sesawang PDC di *www.pdc.gov.my* atau mendapatkannya di Bahagian Pembangunan Keusahawanan, PDC di Bayan Baru.

"Hanya borang permohonan lengkap akan diproses dan dipertimbangkan untuk kelulusan Jawatankuasa Kelulusan Pinjaman PDC.

"Untuk makluman lanjut, orang ramai boleh juga mendapatkannya melalui *Facebook sph Pulau Pinang* atau menerusi talian telefon 04 - 634 0111 sambungan 141/125/354/182/159," jelasnya.

### JADUAL PEMBAYARAN BALIK PINJAMAN

SPH SKIM PINJAMAN HARAPAN

| SKIM 1 | JUMLAH MINGGUAN | JUMLAH BAYARAN MINGGUAN | | |
|---|---|---|---|---|
| | | 50 MINGGU (1 tahun) | 100 MINGGU (2 tahun) | |
| | | | 1 - 50 minggu | 51 - 100 minggu |
| | RM1,000.00 | RM22.50 | RM12.50 | RM14.10 |
| | RM2,000.00 | RM45.00 | RM25.00 | RM28.20 |
| | RM3,000.00 | RM67.50 | RM37.50 | RM42.30 |
| | RM4,000.00 | RM90.00 | RM50.00 | RM56.40 |
| | RM5,000.00 | RM112.50 | RM62.50 | RM70.50 |

| SKIM | JUMLAH MINGGUAN | JUMLAH BAYARAN MINGGUAN | | |
|---|---|---|---|---|
| | | 50 MINGGU | 100 MINGGU | 150 MINGGU |
| SKIM 2 | RM6,000.00 | RM144.60 | RM84.60 | RM64.60 |
| | RM7,000.00 | RM168.70 | RM98.70 | RM75.40 |
| | RM8,000.00 | RM192.80 | RM112.80 | RM86.20 |
| | RM9,000.00 | RM216.90 | RM126.90 | RM96.90 |
| | RM10,000.00 | RM241.00 | RM141.00 | RM107.70 |
| SKIM 3 | RM11,000.00 | RM265.10 | RM155.10 | RM118.50 |
| | RM12,000.00 | RM289.20 | RM169.20 | RM129.20 |
| | RM13,000.00 | RM313.30 | RM183.30 | RM140.00 |
| | RM14,000.00 | RM337.40 | RM197.40 | RM150.80 |
| | RM15,000.00 | RM361.50 | RM211.50 | RM161.50 |
| SKIM 4 | RM16,000.00 | RM385.60 | RM225.60 | RM172.30 |
| | RM17,000.00 | RM409.70 | RM239.70 | RM183.10 |
| | RM18,000.00 | RM433.80 | RM253.80 | RM193.80 |
| | RM19,000.00 | RM457.90 | RM267.90 | RM204.60 |
| | RM20,000.00 | RM482.00 | RM282.00 | RM161.50 |
| SKIM 5 | RM21,000.00 | RM506.10 | RM296.10 | RM226.10 |
| | RM22,000.00 | RM530.20 | RM310.20 | RM236.90 |
| | RM23,000.00 | RM554.30 | RM324.30 | RM247.70 |
| | RM24,000.00 | RM578.40 | RM338.40 | RM258.40 |
| | RM25,000.00 | RM602.50 | RM352.50 | RM269.17 |

LAMPIRAN A.

# Apakah itu gangguan seksual?

**DALAM** era *#MeToo*, masyarakat global telah mulai sedar mengenai jenayah gangguan seksual yang menjadi sebahagian daripada kehidupan kita. Pergerakan *#MeToo* yang berasal dari Amerika Syarikat telah menjadikan mangsa gangguan seksual lebih berani untuk tampil hadapan dan berkongsikan pengalaman mereka yang traumatik dengan harapan agar masyarakat sedar akan bahayanya jenayah gangguan seksual ini dan seterusnya mendesak ahli-ahli politik untuk bertindak atas isu ini. Pergerakan ini telah menjadi global melalui perkembangan pesat media sosial. Akan tetapi, ramai, khususnya mereka yang tidak mempunyai akses kepada media sosial tidak tahu akan pergerakan ini dan jenayah gangguan seksual ini sendiri. Oleh yang demikian, adalah perlu untuk mereka diberikan pendedahan mengenai jenayah ini.

Terlebih dahulu, kita perlu mengetahui bagaimana gangguan seksual didefinisikan.

Gangguan seksual boleh ditakrifkan sebagai sebarang kelakuan berunsur seks yang sengaja dan tidak dikehendaki, diundang atau diminta. Terdapat tiga jenis gangguan seksual, iaitu gangguan berbentuk lisan (komen mengenai tubuh badan seseorang, menyebarkan khabar angin berunsurkan seks, membuat jenaka berbahasa lucah); gangguan berbentuk fizikal (meraba, menyentuh, dan serangan seksual) dan gangguan berbentuk visual (menunjukkan gambar bogel ataupun aktiviti seksual).

Di tempat kerja ataupun di institusi pendidikan (sekolah dan universiti), gangguan seksual boleh diklasifikasikan kepada dua jenis iaitu, gangguan seksual berupa *"quid pro quo"* dan persekitaran kerja yang tidak selesa. Gangguan seksual *"quid pro quo"* adalah apabila seseorang yang berjawatan tinggi (majikan, penyelia, guru) membuat permintaan seks *(sexual favours)* sebagai balasan untuk kenaikan gaji ataupun jawatan, kemudahan-kemudahan di tempat kerja, pengekalan pekerjaan *(job retention)* ataupun gred yang bagus untuk peperiksaan ataupun tugasan (di sekolah dan universiti). Sebagai contohnya, seseorang guru yang menjanjikan gred yang bagus untuk seorang pelajar sekiranya pelajar itu sudi menjalinkan hubungan seks dengannya boleh dianggap melakukan gangguan seksual *"quid pro quo"*. Gangguan seksual berupa persekitaran pekerjaan yang tidak selesa pula adalah gangguan seksual lisan, visual dan/ataupun fizikal secara berteruskan di tempat kerja yang mewujudkan persekitaran kerja yang tidak selesa dan selamat yang mengelakkan pekerja daripada melakukan kerja mereka dengan baik.

Gangguan seksual boleh berlaku kepada golongan wanita dan lelaki dan si pelaku adalah daripada jantina yang berbeza ataupun sama dengan mangsa. Si pelaku boleh merupakan orang yang tidak dikenali *(strangers)* ataupun individu yang dikenali oleh mangsa. Individu sedemikian boleh terdiri daripada majlikan, penyelia, rakan sekerja, rakan kolej, staf sekolah, guru, pensyarah, saudara mara ataupun ahli keluarga mereka sendiri. Pengalaman menjadi mangsa gangguan seksual biasanya merupakan pengalaman yang amat traumatik dan boleh mendatangkan banyak kesan negatif kepada diri mereka. Dari sudut emosi, mangsa gangguan seksual akan berasa dirinya dimalukan, takut, marah dan hidup dalam ketakutan. Mangsa juga mudah mengalami kemurungan *(depression)* dan cenderung untuk menyalahgunakan bahan terlarang seperti minuman beralkohol dan dadah; serta cenderung untuk cuba membunuh diri.

Kesimpulannya, gangguan seksual merupakan jenayah seksual yang sangat keji jika dilihat kepada impak-impak negatifnya kepada mangsa. Oleh yang demikian, adalah penting untuk mangsa untuk bertindak dengan mendokumentasikan kejadian gangguan seksual, mengumpulkan bukti-bukti kukuh dan nyata *(tangible evidences)* dan membuat aduan kepada jabatan sumber manusia dan kesatuan sekerja (untuk kes gangguan seksual di tempat kerja) ataupun kepada pihak berkuasa (untuk kes gangguan seksual di tempat awam). Untuk orang awam pula, adalah penting untuk mereka mengambil inisiatif untuk mengetahui dengan lebih terperinci mengenai jenayah gangguan seksual dan pada masa yang sama, memberikan perhatian dan sokongan moral yang tidak berbelah bagi kepada kenalan-kenalan mereka yang menjadi mangsa gangguan seksual.

- Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai jenayah gangguan seksual, Penang Women's Development Corporation akan menganjurkan kempen kesedaran *"PENANG GOES ORANGE 2018"* bertemakan "Hentikan Gangguan Seksual" yang akan diaadakan dari 24 haribulan November hingga 10 haribulan Disember 2018. Warga Pulau Pinang dijemput untuk menghadiri acara-acara yang akan diadakan sepanjang kempen berlangsung.



# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453
Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 4716
Peminjam : ADNAN BIN OMAR - 62062507****
22 LORONG SERI JANGGUS 3, TAMAN SERI JANGGUS, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : NAZRI ABD HAMID - 6000***
NO. 2966 Y LORONG FAJAR 2, JALAN SULTANAH, ALOR SETAR 05300 KEDAH
Penjamin 2 : ZARIMAH BT OTHMAN - A0093***
NO. 22 LORONG SERI JANGGUS 3, TAMAN SERI JANGGUS, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 4769
Peminjam : KHAW SUAN HONG - 73031007****
SMJK (P) CINA PULAU PINANG, 2 JALAN GOTTLEIB 10350 PULAU PINANG
Penjamin 1 : LOW CHIAT BOON – (MENINGGAL DUNIA)
103 JALAN ONG JOO SUN, 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : ONG TEIK HOE - 60072507****
BLOK 104 TINGKAT 2 NO. 2, KAMPAR MANSION, JALAN KAMPAR 10460 PULAU PINANG

No Akaun : 4782
Peminjam : TAN AI LING - 73020407****
73C-05-01 CENTRAL PARK, LEBUHRAYA JELUTONG, JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : TAN HUN CHONG - 46022171****
45 LINTANG BAYAN 10, SUNGAI ARA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : TAN CHONG PENG - 72060707****
73C-5-1 CENTRAL PARK, LEBUHRAYA JELUTONG 11600 JELUTONG, PULAU PINANG

No Akaun : 4799
Peminjam : SASHI KUMAR A/L KUMARAN - 74012907****
NO. 35 JALAN 3/132, GASING INDAH, PETALING JAYA 46000 SELANGOR
Penjamin 1 : ACHUTHAN A/L K.G.NAYAR - 58052002****
NO. 16 JALAN CENGAI, TAMAN BERSATU 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : RAMASAMY A/L MUNUSAMY - 54082402****
NO. 974 LORONG RIA 8/6, TAMAN RIA, PADANG SERAI 09400 KEDAH

No Akaun : 4823
Peminjam : CHONG KOK - 74102207****
2A LORONG DESA JURU 6, TAMAN DESA JURU 14100 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 1 : CHONG AI HWA - 67102207****
1651 KAMPUNG BERAPIT 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : CHONG LENG - 68121207****
NO. 5 LORONG BUKIT MINYAK 21, TAMAN BUKIT MINYAK 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 4835
Peminjam : WONG CHEE LEONG - 73043007****
26 LORONG JURU 10, BUSINESS PARK, JURU 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : WONG CHOW SIN - 42061007****
D-14-589A GERBANG TUNA 13700 SEBERANG JAYA
Penjamin 2 : LEE CHOON HUAT - 47051907****
62 LEBUH BINJAI 1, TAMAN SRI RAMBAI 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 4857
Peminjam : GUNALAN A/L LETCHUMANAN - 74020508****
BLOK C-G-10 APARTMENT KELISA, LORONG KIKIK 1,TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI
Penjamin 1 : IYASAMY A/L NADAYSON - 64111210****
A1-G-02 MEDAN KIKIK 3, TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI
Penjamin 2 : MOORTHY A/L NADAYSON - 60101108****
28 LORONG KIKIK 5, TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI

No Akaun : 4860
Peminjam : BEH HOOI SOIK - 72110807****
685 MK 11, JALAN BESAR BUKIT TENGAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : BEH AH KAW @ BEH BAK HUA - 48111207****
685 MK 11 JALAN BESAR, BUKIT TENGAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : CHEONG SHING - 54080708****
P4-B-10-08 SRI RAYA APARTMENT, JALAN PASIR EMAS, TAMAN SEPAKAT INDAH 43000 SUNGAI CHUA, KAJANG, SELANGOR

No Akaun : 4879
Peminjam : GOBINATHAN A/L GOVINDASAMY - 75092907****
NO. 8 JALAN KIARA SD11/3H, BANDAR SRI DAMANSARA 52200 KUALA LUMPUR
Penjamin 1 : THAMIL SELVI A/P ARJUNAN - 66082702****
NO. 59 JALAN PULAU LUMUT U10/76H, ALAM BUDIMAN, SHAH ALAM 40170 SELANGOR
Penjamin 2 : AMUTHA A/P ARJUNAN - 63090902****
8 JALAN KIARA SD11/3H, BANDAR SRI DAMANSARA 52200 KUALA LUMPUR

No Akaun : 4888
Peminjam : GAN LAY SEE - 74052207****
1 LORONG BUKIT MINYAK PERMAI 2, TAMAN BUKIT MINYAK PERMAI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : LOO CHEE KEONG - 60021407****
NO. 2 LORONG KASAWARI 4, TAMAN KASAWARI 14100 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 2 : SUM YOO KEONG - 51032507****
C1-2-13 PANGSAPURI PANDAN INDAH, LORONG BUNGA RAMPAI 4, 13400 BUTTERWORTH

No Akaun : 4906
Peminjam : BUROSEKHAN BIN ABDUL JALIL KHAN - 71102971****
352-21-1 GAT LEBUH MACALUM 10300 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ABDUL JALIL KHAN BIN GULAM MYDEEN - 49060271****
BLOCK 399-7-8, TAMAN DATO SYED ABBAS 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHAMED ARIFF BIN ABDUL RAZAK - 47100807****
20G JALAN 1055A, TAMAN SETIAWANGSA 54200 KUALA LUMPUR

No Akaun : 4923
Peminjam : TAN SWEE CHOO - 74050107****
27 LORONG LANGSAT 2, TAMAN SEJATI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : TAN BOEY CHOO - 66121207****
3 LORONG JASA INDAH 5, TAMAN JASA INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : TAN BAK LING – (MENINGGAL DUNIA)
1407 JALAN BUKIT PANCHOR 14300 NIBONG TEBAL, SPS

No Akaun : 4930
Peminjam : PHONG SER LING - 74113007****
SEK. MEN. KEB. JALAN DAMAI, JALAN DAMAI, KAMPUNG BARU 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : PHONG TEIK SEONG - 71040907****
NO. 20 LORONG IMPIAN INDAH 6, TAMAN IMPIAN INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : KUAN CHOON YIN - 72021507****
NO. 20 LORONG IMPIAN INDAH 6, TAMAN IMPIAN INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 4967
Peminjam : KHOR CHENG HUAT - 74020307****
Y-13A-02 BLOCK KAYANGAN, DARUL AMAN CRIMSON JALAN PJU 1A/41, 47301 PETALING JAYA, SELANGOR
Penjamin 1 : KHOR KHEM - 52091808****
NO. 104 JALAN PANTAI, 34350 KUALA KURAU, PERAK
Penjamin 2 : CHEW HANG TEK - 56031808****
NO. 1 JALAN JAYA 2, TAMAN KURAU JAYA 34350 KUALA KURAU, PERAK

No Akaun : 4973
Peminjam : NG SUNG SUNG - 71100607****
62-1-16 TAMAN SRI PENAWAR, JALAN FREE SCHOOL 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : NG KOK THYE - (MENINGGAL DUNIA)
E1-9-18 GREENLANE HEIGHTS, LORONG GANGSA 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : HEAN BOON KWEY - 62100508****
8-04 PANGSAPURI SERI ORKID, LORONG BULAN 1 OFF JLN TAMBY KECIL 13000 BUTTERWORTH

No Akaun : 4986
Peminjam : MUHAMMAD NAJHAN SHAHIR BIN HALIM - 76012107****
NO.33 JALAN 14, TAMAN GREENWOOD INDAH 68100 BATU CAVES, SELANGOR
Penjamin 1 : ABDUL HADI BIN OMAR - 68051802****
NO. 51 TAMAN MELUR, JALAN WANG TEPUS 06000 JITRA, KEDAH
Penjamin 2 : YUSOF BIN SAID - 69080808****
NO. 39 JALAN 7A/7, BANDAR TASIK PUTERI 48000 RAWANG, SELANGOR

No Akaun : 4988
Peminjam : SHAHRUL IDZHAM BIN MOHD NOOR - 75051814****
2-05 LORONG SERI MURNI 2, TAMAN SERI MURNI, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : MOHD NOOR B ABU BAKAR - (MENINGGAL DUNIA)
NO. 4018 LAHAR YOOI 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 2 : NOR HAZMITA BT MOHD NOOR - 70060708****
LOT 1583 JALAN GUCHIL 6 LUAR 18020 KUALA KRAI, KELANTAN

No Akaun : 6178
Peminjam : CHEW TECK HWA - 74020407****
6A MK 7 PULAU BETONG, BALIK PULAU 11020 PULAU PINANG
Penjamin 1 : AIM SWE SAN - 57121507****
1167 MK 9 BUKIT GEMURUH, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG
Penjamin 2 : LOH BAN AUN - 74072407****
M-12-3 DESA MEDURA, LEBUH RELAU 6, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 6185
Peminjam : TAN LEE SAH - 74022707****
15 LORONG 20/SS1, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 1 : TAN BOON MENG - 57110607****
NO. 10 LORONG GUAR PERAHU 7, TAMAN GUAR PERAHU, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : TAN LEE LEE - 67041707****
NO. 288-B SUNGAI JAN 27000 JERANTUT, PAHANG

No Akaun : 6207
Peminjam : VASUDEVAN A/L SUPPIAH - 71021110****
LOT 14590 JALAN KOTA WARISAN, KAMPUNG ASLI KELINGSING, SEPANG 43900 SELANGOR
Penjamin 1 : JAGATHEESAN A/L SUPPIAH - 63102610****
28 CANGKAT DAMAI, TAMAN PERMATA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : GUNA CHELVY A/P SUPPIAH - 68103110****
28 CANGKAT DAMAI, TAMAN PERMATA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 6209
Peminjam : KHOO LAY KIM - 73082507****
12 LORONG TEMBIKAI 3, TAMAN SRI RAMBAI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : CHING PECK EE - 70071010****
17 JALAN WAWASAN 4/9, PUSAT BANDAR PUCHONG 47100 PUCHONG, SELANGOR
Penjamin 2 : LIM SENG SAN - 68091407****
17 JALAN WAWASAN 4/9, PUSAT BANDAR PUCHONG 47100 PUCHONG, SELANGOR

No Akaun : 6260
Peminjam : AL-RIFAE BIN MOHAMED ISHAK - 70111771****
NO. 46 KAMPUNG MALABAR 10100 PULAU PINANG
Penjamin 1 : AL-ZIFIRI BIN MOHAMED ISHAK - 68032971****
BLOK 88-05-12A LINTANG SG PINANG, SRI WONDER KOMPLEKS 10150 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHAMED RABIK BIN YUNOS - (MENINGGAL DUNIA)
24 JALAN CHENDRAI, LUCKY GARDEN BANGSAR 59000 KUALA LUMPUR

No Akaun : 6274
Peminjam : NG WOOI KIANG - 76090707****
26 LORONG DESA PALMA 3, TAMAN DESA PALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : NG HEE CHYE - (MENINGGAL DUNIA)
17 KAMPUNG ASTON 14000 BUKIT MERTAJAM, SPT
Penjamin 2 : CHOO HOCK LAM - 61031002****
NO. 95 LORONG SEJAHTERA JAYA 1, TAMAN SEJAHTERA JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 6284
Peminjam : SEOW CHUN WEI - 76061707****
23 JALAN NURI 3, TAMAN NURI 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 1 : BOI AH BAH@BOEY SU CHONG - (MENINGGAL DUNIA)
3434 JALAN BAYAN, TAMAN SENTOSA 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : SEOW AH BAH - (MENINGGAL DUNIA)
9 TINGKAT TIONG 1, TAMAN BAHAGIA 14300 NIBONG TEBAL, SPS

No Akaun : 6295
Peminjam : LAI JEE SHIAN - 76082007****
NO. 3 JALAN PANGLIMA AWANG 35/118A, TTDI ALAM IMPIAN, SEKSYEN 35, 40470 SHAH ALAM, SELANGOR
Penjamin 1 : KHOO BOO TEONG - 61071107****
16 LORONG TANAH AMAN 6, TAMAN TANAH AMAN 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : KHOO BEE HOOI - 43110607****
36 TINGKAT BETIK 4 , SUNGAI RAMBAI, 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 6388
Peminjam : MOHAMED HAFFIS BIN MOHOSSAIN - 76123007****
NO.9 JALAN P14 E1/1, PRESINT 14, 62050 PUTRAJAYA
Penjamin 1 : MOHAMMED HASSAN BIN MOHOSSAIN MOLLA - A1908***
L-G-3 PANGSAPURI TANJUNG TOKONG, FASA 4A 10470 PULAU PINANG
Penjamin 2 : HAJA MOHIDEEN BIN SHAIK DAWOOD - 63090171****
60-4-9 TAMAN SRI PERAK, JALAN SLIM 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 6412
Peminjam : ARSHAD BIN OSMAN - 76021207****
PUSAT KAJIAN HIDROGEOLOGI, LOT 5377 JALAN PUTRA PERMAI 43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR
Penjamin 1 : MOHD ZAINI BIN RAMLI
PENANG PORT SDN BHD, P.O.BOX 1204, 10710 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MAT SAAD BIN REJAB - 47051802****
NO.32 KAMPUNG BATU 6, 09600 LUNAS, KEDAH

No Akaun : 6427
Peminjam : MAGESWARAN A/L ARUNASALAM - 76122807****
8 LORONG BAYU AMAN 4, TAMAN BAYU AMAN 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : VIJAYAN A/L GOVINDASAMY - 72032607****
D-G-7 BLOK D, PANGSAPURI DESA SAUJANA, SEKSYEN 3, TAMAN SUNGAI BESI INDAH 43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR
Penjamin 2 : RAMESH KUMAR A/L PERUMAL - 69080701****
NO. 127 JALAN KERONGSANG 8 , BANDAR PUTERI, KLANG 41200 SELANGOR

No Akaun : 6497
Peminjam : AHMAD FAIZAL BIN ISHAK - 76061814****
NO. 21 JALAN IMPIAN PUTRA 4/4, TAMAN IMPIAN PUTRA, KAJANG 43000 SELANGOR
Penjamin 1 : ISHAK BIN BORHAN - (MENINGGAL DUNIA)
AX-G-3 TAMAN TUN SARDON 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 2 : MEGAT ABDULLAH B MEGAT AHMAD - (MENINGGAL DUNIA)
63 LORONG 2, TAMAN PERUDA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH

No Akaun : 6509
Peminjam : FIZATTUL SUHAIDA BT MOHD YUSOF - 76111407****
LOT 2216 PERSIARAN TEBING TINGGI 7, KAMPUNG TEMIANG, IPOH 31650 PERAK
Penjamin 1 : ABDULLAH B SALLEH - 53071008****
NO. 1 TAMAN HARMONI, KAMPUNG KEDAH, PARIT BUNTAR 34200 PERAK
Penjamin 2 : HAJI ZAINOL B SALLEH - (MENINGGAL DUNIA)
NO. 80 JALAN TENGAS, TAMAN SERI TENGGARA 34200 PARIT BUNTAR, PERAK

No Akaun : 6513
Peminjam : AZLAN BIN ISMAIL - 76112507****
PERTUBUHAN PELADANG , KAWASAN POKOK SENA 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : AZIZ BIN ISMAIL - 65071307****
NO. 40 TINGKAT ZARIB 6, TAMAN PINJI MEWAH 31500 LAHAT, PERAK
Penjamin 2 : AZAHAR B ISMAIL - 71041707****
569 BAGAN TAMBANG , TELUK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH

No Akaun : 6524
Peminjam : SAIFULBAHARI BIN PABILLAH - 77020507****
478 JALAN TUNKU PUTRA, TELOK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : IDRIS BIN AHMAD - 44021208****
NO. 9 TAMAN DESARINA , JALAN JERAI 13, ALOR SETAR 05900 KEDAH
Penjamin 2 : ABU KASSIM BIN MD SAP - (MENINGGAL DUNIA)
NO. 1 LORONG BEKAH INDAH 2, TAMAN BEKAH INDAH 13100 PENAGA, SPU

No Akaun : 6537
Peminjam : NOOR RAHIZAM BIN ABD RAHIM - 73112607****
19 LORONG BENTARA, TMN ALOR SETAR, JALAN TELOK WAN JAH 05200 ALOR SETAR, KEDAH
Penjamin 1 : ABD RAHIM BIN AWANG - 3781***
NO. 59 BT 5 1/4, KAMPUNG BOHOR, HUTAN KAMPUNG 05350 ALOR SETAR, KEDAH
Penjamin 2 : ZAKIAH BT MOHD ALI - 5853***
1283 BUKIT TAMBUN 14100 SIMPANG AMPAT, SPS

No Akaun : 6541
Peminjam : ZURIZAL BIN OTHAMAN - 76022907****
1283 JALAN AMAN, 14200 SUNGAI BAKAP, SPS
Penjamin 1 : ABU BAKAR BIN MOHAMED MUKHTAR - 48031607****
61 LORONG GUAR PERAHU 17, TAMAN GUAR PERAHU, KUBANG SEMANG 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : FAUZI BIN AHMAD - RF91***
CAWANGAN PENGANGKUTAN, IBUPEJABAT POLIS KONTINJEN PAHANG 25990 KUANTAN, PAHANG

No Akaun : 6546
Peminjam : SITI MARIANI BINTI MOHAMED - 73021807****
335 PERMATANG CHE TAK, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : MOHD NADZRI BIN MOHAMED - 70101307****
335 PERMATANG CHE TAK 13800 SUNGAI DUA, BUTTERWORTH
Penjamin 2 : ZAMRI BIN MOHAMED - 66050107****
1194 PERMATANG CHE TAK 13800 SUNGAI DUA, BUTTERWORTH

No Akaun : 6554
Peminjam : JASMADI BIN JUNID - 74020207****
4357 BAGAN JERMAL, 12300 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : SUHAIMI BIN JUNID - 67080107****
4357 BAGAN JERMAL 12300 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : BADROL HISHAM BIN AHMAD - 60100107****
NO. 22 LORONG DESA SENA 7, TAMAN DESA SENA 13300 TASEK GELUGOR, SPU




# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 6555
Peminjam : SHARIFAH MARDHIAH BINYAHYA BT SYED AHMAD - 76040107****
NO. 7 JALAN IXORA 1/14, TAMAN IXORA, BANDAR BARU SALAK TINGGI 43900 SEPANG, SELANGOR
Penjamin 1 : MOHD DAHLAN BIN ABDUL RAHMAN - (MENINGGAL DUNIA)
93 JALAN SS 18/1B, 47500 SUBANG JAYA, SELANGOR
Penjamin 2 : SYED HASSAN ALHADI BIN SYED ALWEE - (MENINGGAL DUNIA)
NO. 331 JALAN KELANTAN , TAMAN RAKYAT, KAMUNTING 34600 PERAK

No Akaun : 6571
Peminjam : SHAMSUL ANUAR BIN NORDIN - 76062407****
1-5-18 DESA PINANG 2, LEBUH SUNGAI PINANG 7, 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ISMAIL BIN SULAIMAN - 53101307****
NO. 4 JALAN DM 3D , DESA MOCCIS, SUNGAI BULUH 47000 SELANGOR
Penjamin 2 : SHARIFAH SHAHIRAN BT SYED ALWI - 58121102****
NO. 4 JALAN DM 3D , DESA MOCCIS, SUNGAI BULUH 47000 SELANGOR

No Akaun : 6625
Peminjam : LOW BOON YUEN - 74051407****
11-25-5 COASTAL TOWERS, PERSIARAN TANJUNG BUNGAH 2, 11200 TANJONG BUNGAH, PULAU PINANG
Penjamin 1 : POH YONG KUAN - 63030707****
11-12-05 LINTANG PAYA TERUBONG 4, 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHAN YOON CHOY - 55051607****
11-12-05 LINTANG PAYA TERUBONG 4, 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG

No Akaun : 6628
Peminjam : MUNEERAH BT ABDUL MOOKMIN - 76092107****
NO. 20 JALAN SERI BUDIMAN 1/3, TMN SERI BUDIMAN, BANDAR MAHKOTA CHERAS, 43100 HULU LANGAT, SELANGOR
Penjamin 1 : ABDUL MOOKMIN BIN MD SALLEH - 44060507****
380-B JALAN HAJJAH REHMAH, JELUTONG TIMUR 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHAMED TAUFEEK BIN ABDUL MOOKMIN - 72120907****
380-B JALAN HAJJAH REHMAH 11600 JELUTONG , PULAU PINANG

No Akaun : 6640
Peminjam : AARON CHIN CHUNG MENG - 72091507****
17-S SOLOK BUNGA RAYA, BUKIT GLUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 1 : TAN WOOI CHOONG - 56012202****
42 JALAN SS 15/2E, 47500 SUBANG JAYA, SELANGOR
Penjamin 2 : TAN VUI NIAP - 51112102****
21-C JALAN SG 1/9, TAMAN INDUSTRI BOLTAN 68100 BATU CAVES, SELANGOR

No Akaun : 6661
Peminjam : VENGADESH A/L MUNIAPA - 76063007****
NO. 2 JALAN JOGET 1, TAMAN NESA, SKUDAI 81300 JOHOR
Penjamin 1 : CHANDARAN A/L MUNIAPA - 72060802****
103-15-3 PERSIARAN BUKIT GAMBIR 1, GAMBIER HEIGHTS, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MUNIAPA A/L RATNAM - (MENINGGAL DUNIA)
1595 JALAN VEERAPAN 14300 NIBONG TEBAL, SPS

No Akaun : 6663
Peminjam : SUHAIMI BIN BAHARI - 69073107****
282 BALIK PULAU VILLAGE AREA (BPVA), BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG
Penjamin 1 : BAHARI BIN OTHMAN - (MENINGGAL DUNIA)
282 BALIK PULAU VILLAGE AREA 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ABDUL MANAN BIN JUSOH - 70030211****
NO. 3 LORONG SERI GENTING 6, TAMAN PONDOK UPEH 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG

No Akaun : 6676
Peminjam : MOHD HAFIZ BIN ABD HAMID - 77090707****
NO. 34 JALAN P 11, C/17, PRESINT 11, 62300 PUTRAJAYA
Penjamin 1 : ZAINAB BINTI HASHIM - (MENINGGAL DUNIA)
1003 JALAN CENGAL 29, TAMAN AMPANGAN, SEREMBAN 70400 NEGERI SEMBILAN
Penjamin 2 : NORMAH BT PUTEH - 5969***
1068 PERMATANG KLING 14300 NIBONG TEBAL, SPS

No Akaun : 6693
Peminjam : GAN HOCK LEONG - 75031307****
SEK. MEN. KEB. AIR ITAM, JALAN THEAN TEIK 11500 PULAU PINANG
Penjamin 1 : GAN EAN LING - 72022207****
NO. 10 LORONG SRI TAMBUN 4 , TAMAN TAMBUN EMAS 14100 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 2 : BOH YIT WAN - 72010407****
NO. 10 LORONG SRI TAMBUN 4, TAMAN TAMBUN EMAS 14100 SIMPANG AMPAT, SPS

No Akaun : 6701
Peminjam : NOR AZLINA BINTI HARUN - 77070407****
NO. 63 JALAN GUNUNG NUANG, U-11/18, BUKIT BANDARAYA 40170 SHAH ALAM, SELANGOR
Penjamin 1 : NOR AZLAN BIN HARUN - 70052207****
TBP 1274 JALAN HAJI TAIB KASIM, KAMPUNG PERTAMA 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 2 : ABDULLAH BIN OMAR - 61020707****
1274 JALAN HAJI TAIB KASIM, KAMPUNG PERTAMA 13500 PERMATANG PAUH

No Akaun : 6734
Peminjam : RUSLAY BIN ABDULLAH - 58100807****
PETI SURAT 50102, PEJABAT POS PUTATAN 88722 PUTATAN, SABAH
Penjamin 1 : SHAMSHUL BAHRIN BIN SIDIK - 64030403****
LOT NO. 66 KAMPUNG CHERANG, JALAN PASIR PUTEH, MACHANG 18500 KELANTAN
Penjamin 2 : MOHD ZARIN BIN SHAMROR - 63091611****
LOT 721 KAMPUNG TERSUSUN SENGAT , SIMPANG PULAI, KAMPUNG KEPAYANG 31300 PERAK

No Akaun : 6751
Peminjam : MOGANAN A/L SUBRAMANIAM - 77110708****
13-B-2 KELANA CENTRAL CONDOMINIUM, NO. 1 JALAN BAHAGIA, KELANA JAYA 47301 PETALING JAYA, SELANGOR
Penjamin 1 : GANAESHAN A/L SELLAPAN - 68042702****
NO. 23 LORONG MURNI 8, TAMAN SIMPANG MURNI 34700 SIMPANG, PERAK
Penjamin 2 : RATHAI A/P MARDZAM MUTHU - 70101802****
143 LORONG 4, TAMAN DESA JANA 34600 KEMUNTING, PERAK

No Akaun : 6761
Peminjam : BEA KIA CHUANG - 75090907****
15-02 HABITAT CONDOMINIUM, JALAN ABDUL SAMAD 80100 JOHOR BAHRU, JOHOR
Penjamin 1 : KHOR KHOON KOK - 66040807****
NO. 24 LORONG FAJAR 1, TAMAN FAJAR 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : LOH AH AA - 49030602****
1858 KAMPUNG JAWI, SUNGAI BAKAP 14200 SUNGAI JAWI, SEBERANG PERAI SELATAN

No Akaun : 6776
Peminjam : GEETHA A/P THULASIRAMAN - 77021807****
B-14-12 RUMAH PANGSA KG MELAYU, AIR ITAM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 1 : THULASI RAMAN A/L GOPAL RAJU - 46041307****
B-14 12 KAMPONG MELAYU FLATS 11500 AYER ITAM , PULAU PINANG
Penjamin 2 : PATHAMANATHAN A/L PITCHAY MUTHU @ CHELLI - 60121807****
1-6-05 LEBUH SUNGAI PINANG 2, THE SPRING, JELUTONG 11600 PULAU PINANG

# Bosch harap teruskan hubungan, penglibatan dengan Kerajaan Negeri

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**



**KETUA Menteri, wakil-wakil Kerajaan Negeri dan barisan pengurusan tertinggi Robert Bosch sedang diberikan penerangan terperinci pada lawatan ke salah sebuah fasiliti bersempena Majlis Perasmian Loji Multimedia Bosch B112 di sini baru-baru ini.**

**BAYAN LEPAS –** Pulau Pinang terus menjadi destinasi pelaburan pilihan, khususnya dari Jerman yang merupakan penyumbang pelaburan langsung asing (FDI) kedua terbesar di negeri ini dengan jumlah RM5.15 bilion dari tahun 2008 hingga 2017.

Kenyataan tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika hadir merasmikan Loji Multimedia Bosch B112 di sini 29 Oktober lalu.

Kon Yeow dalam ucapannya berkata, Bosch telah bertapak hampir 45 tahun di Pulau Pinang dengan pembukaan kilang pertama menghasilkan projektor dan kamera filem pada tahun 1972.

"Hari ini, ia telah berkembang kepada tiga fasiliti perkilangan serta kemudahan penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang menghasilkan sistem multimedia kereta, *power tools* dan sistem stereng.

"Pulau Pinang pasti memainkan peranan penting sebagai hab global bagi rantaian bekalan dan perniagaan keseluruhan Bosch.

"Pelaburan pembuatan domestik juga telah meningkat sebanyak 92 peratus dari tahun ke tahun untuk mencapai RM2.3 bilion tahun lepas (2017). Rekod menggalakkan Pulau Pinang dalam pelaburan tidak akan dapat dilakukan tanpa sokongan syarikat seperti Bosch," ujarnya yang merupakan Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif investPenang, Dato' Loo Lee Lian; Pengarah Urusan Teknikal Multimedia Bosch, Dr. Siegfried; Naib Presiden Eksekutif Bosch, Dr. Sven Ost; Presiden Bosch Asia Selatan, Martin Hayes; Pengurus Besar Bosch Car Multimedia Penang, Dr. Li Song dan Ahli Lembaga Pengarah Robert Bosch GmbH, Peter Tyroller.

Difahamkan, bangunan baharu tersebut adalah berkeluasan 9,600 meter persegi (mp) ruang lantai di tingkat bawah, ruang pejabat (4,100mp) dan ruang tambahan (4,300mp).

Sepanjang lawatan kerja tersebut, Kon Yeow dan rombongan dibawa melawat ke fasiliti kemudahan Bosch sambil diberikan penerangan terperinci berhubung pengendalian produk serta pengurusan industri terbabit.

Malah, beliau juga berpeluang menemui serampang dua mata dengan kumpulan kedua pelatih *German Dual Vocational Training* (GDVT) yang sedang menjalani latihan di syarikat berkenaan.

Dalam pada itu, Tyroller dalam ucapannya menyatakan bahawa komitmen dan kepercayaan Robert Bosch yang telah bertapak lama di Malaysia dan Pulau Pinang diperkuat oleh pertumbuhan konsisten.

"Pada tahun 2017, kami telah melabur sebanyak RM236 juta dalam operasi di Malaysia.

"Komitmen kami adalah terhadap inovasi dalam semua produk, penyelesaian dan kemudahan, kami akan berusaha meningkatkan keupayaan serta kecekapan ke tahap yang lebih tinggi.

"Bosch juga berharap akan meneruskan hubungan dan penglibatan dengan Kerajaan Negeri," jelas beliau.




# Majlis rumah terbuka Deepavali tradisi unik satukan masyarakat berbilang kaum dan agama

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

**BUKIT TAMBUN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow hadir memeriahkan Majlis Rumah Terbuka Deepavali Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dekat kediamannya di sini.

Ketibaan Kon Yeow yang ditemani isteri disambut barisan tetamu jemputan khas majlis berkaitan.

Beliau menghabiskan masa kira-kira sejam menikmati juadah istimewa yang disediakan selain berkesempatan menyantuni tetamu daripada berbilang kaum di sini.

Ramasamy dalam ucapan ringkasnya memberitahu bahawa penganjuran rumah terbuka bagi setiap sambutan perayaan merupakan suatu tradisi yang unik serta berupaya menyatukan masyarakat berbilang kaum dan agama di negara ini.

Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang; Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain; Zairil Khir Johari (Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir); Ahli Parlimen Bukit Mertajam merangkap Timbalan Menteri Belia Sukan, Steven Sim Chee Keong; Ahli Parlimen Iskandar Puteri, Lim Kit Siang dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus serta isteri.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik; M. Satees (ADUN Bagan Dalam); Jason H'ng Mooi Lye (ADUN Jawi); Teh Lai Heng (ADUN Komtar merangkap Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri); Gooi Zi Sen (ADUN Pengkalan Kota); Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Ir. Rosnani Mahmod dan Ahli-Ahli Majlis bagi MPSP turut hadir memeriahkan majlis.

Perayaan Deepavali disambut setiap tahun oleh masyarakat beragama Hindu di seluruh dunia sebagai tanda kemenangan oleh kuasa kebaikan terhadap kuasa kejahatan.

Hari Deepavali bermula dengan menyapu minyak bijan di atas kepala dan badan untuk menyejukkan badan, diikuti upacara sembahyang bersama-sama ahli keluarga di rumah dan mendapat restu daripada ibu bapa serta orang tua sebelum ke kuil.

Pada waktu malam pula, barisan lampu dinyalakan dan bunga api serta mercun memeriahkan lagi sambutan.



**PROF. Dr. P. Ramasamy menyambut ketibaan Ketua Menteri pada Majlis Rumah Terbuka Deepavali beliau.**



**AHLI Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer (berkemeja putih) beramah-mesra dengan salah seorang pengunjung cilik pada majlis sumbangan Deepavali di kawasannya.**



**ADUN Air Itam, Joseph Ng Soon Siang dan Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh menyampaikan sumbangan Deepavali kepada salah seorang penerima di Dewan Masyarakat Desa Mawar baru-baru ini.**



**ADUN Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo pada majlis penyampaian sumbangan anjuran Sri Ayappan Seva Samajam.**

# Pelan Pembangunan Pelancongan Pulau Aman bakal disediakan, respons Exco

Gambar : **ENG KOK WEI**

**BUKIT TAMBUN –** Kerajaan Negeri berhasrat untuk memajukan kawasan Pulau Aman sebagai destinasi tumpuan pelancong khususnya bagi penggemar makanan laut pada masa akan datang.

Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian, Yeoh Soon Hin berkata, satu Pelan Pembangunan Pelancongan Pulau Aman akan disediakan bagi memastikan semua usaha dapat dirancang dengan penglibatan agensi-agensi kerajaan berkaitan.

"Kedudukan Pulau Aman yang dihubungkan terus dengan Jambatan Kedua dan juga Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang menjadikan lokasi ini adalah amat strategik sebagai tarikan pelancong.

"Di samping itu, industri perikanan dan akuakultur yang pesat di pesisiran pantai Pulau Aman menjadikan ia tarikan pelancong untuk menikmati hasil laut yang segar selain berpeluang memilih sendiri ikan, udang, ketam dan sebagainya untuk dimasak.

"Malah, saya juga dimaklumkan bahawa terdapat perigi air tawar di pinggir laut diberi nama Telaga Emas yang wujud sejak sekian lama wajar dipulihara dan diuar-uarkan kepada pengunjung," ujarnya semasa merasmikan program Fiesta Pulau Aman di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik serta masyarakat setempat.

Difahamkan, pesta yang julung kalinya diadakan itu adalah sebahagian daripada usaha Pejabat Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) untuk merancakkan kembali pembangunan semula di Pulau Aman yang juga dikenali sebagai *Island of Peace* dalam kalangan pelancong luar negara.

Program bertemakan Sukan Komuniti Keluarga Bahagia itu dianjurkan dengan penglibatan lebih 10 pihak berkaitan yang terdiri daripada agensi kerajaan, institusi pendidikan, Pejabat Pusat Khidmat Ahli Parlimen dan ADUN termasuk badan bukan kerajaan (NGO).

Mengulas lanjut, menurut Soon Hin, pelbagai projek menaik taraf infrastruktur dan prasarana sedia ada serta projek baharu wajar dilaksanakan bagi memastikan Pulau Aman tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negeri.

"Penduduk Pulau Aman juga seharusnya bersama mengecapi pembangunan ini yang dapat membuka peluang untuk meningkatkan ekonomi tempatan.

"Oleh itu, saya berharap agar program Fiesta Pulau Aman dapat diangkat sebagai acara tahunan di dalam kalendar pelancongan negeri dengan penglibatan yang lebih giat daripada komuniti setempat.

"Langkah ini adalah seiring dengan hala tuju *Penang2030* yang dilancarkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada 29 Ogos lalu untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri yang berfokuskan kekeluargaan, hijau dan pintar," jelasnya.



**YEOH SOON HIN (tengah) dan Goh Choon Aik (kanan sekali) bergambar dengan berlatarbelakangkan sepohon pokok sukun yang mempunyai nilai sejarah bersempena penganjuran Fiesta Pulau Aman di sini baru-baru ini.**

# *Pink October*, tanda solidariti terhadap pesakit kanser payudara

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **USM**

**BERTAM –** Lebih 800 peserta mengambil bahagian dalam acara larian 'merah jambu' sejauh lima kilometer, USM-Mekarsari *Pink October Fun Run 2018* anjuran Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) Universiti Sains Malaysia (USM).

Larian yang mendapat kerjasama Pertubuhan Nadi Sihat dan Majlis Kanser Nasional (MAKNA) itu diadakan bersempena Kempen Bulan Kesedaran Kanser Payudara sebagai tanda sokongan terhadap perjuangan memerangi penyakit berkenaan.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman ketika ditemui berkata, kempen yang diadakan itu merupakan platform terbaik dalam meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kanser payudara.

"Sudah pastinya ia akan memberi impak kepada masyarakat khususnya di kawasan Kepala Batas ini akan usaha yang dilakukan oleh pihak berwajib demi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kanser payudara.

"Saya berharap ia (Kempen Bulan Kesedaran Kanser Payudara) akan memberikan pendedahan bahawa institusi pendidikan tinggi di negara ini seperti USM…sentiasa komited dalam mendekati serta membantu meningkatkan taraf kesihatan rakyat melalui kaedah pemindahan ilmu serta perkongsian kepakaran tanpa mengira kaum dan fahaman politik," ucapnya pada majlis perasmian acara berkenaan baru-baru ini di sini.

Hadir sama, Pengarah IPPT USM, Dr. Norehan Mokhtar; Presiden Pertubuhan Nadi Sihat, Azlina Abdul Aziz; Penolong Pengurus Jualan & Pemasaran Bandar Kepala Batas Sdn. Bhd. selaku penaja utama, Faizal Abdul Rahman dan Pengarah Pusat Sejahtera USM, Dr. Normala Abdul Wahid.

Dalam pada itu, Dekan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan USM, Profesor Dr. Azlinda Azman dalam ucapan aluannya mewakili Naib Canselor USM menyatakan bahawa sejak penubuhan IPPT pada tahun 2002, lebih daripada 5,000 pesakit kanser payudara telah dirawat di klinik onkologi dan bilangannya didapati semakin bertambah dari tahun ke tahun.

"Maka, adalah amat penting bagi pihak IPPT USM untuk mengadakan kempen berterusan sebagaimana dilakukan selama ini untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran orang ramai tentang betapa pentingnya penjagaan kesihatan, amalan pemakanan yang sihat, melakukan pemeriksaan sendiri payudara secara rutin serta melakukan pemeriksaan dari semasa ke semasa," jelasnya.

Dalam pada itu, Pengarah Program, Dr. Muhamad Yusri Musa pula berkata, beliau amat bersyukur kerana program yang dianjurkan julung kali tersebut turut mendapat kerjasama daripada pelbagai pihak termasuk syarikat korporat, badan-badan bukan kerajaan (NGO) serta agensi-agensi kerajaan berkaitan.

"Pagi ini (hari penganjuran), kita dapat kumpulkan seramai lebih 800 peserta dari seluruh negara untuk memeriahkan larian santai bersama-sama keluarga dan berhasrat menjadikannya sebagai acara tahunan," katanya.

Turut diadakan sempena Kempen Bulan Kesedaran Kanser Payudara Pink October adalah *'Solidarity Walk'* sebagai simbolik bagi menyatakan solidariti terhadap pesakit kanser payudara.

Acara dimeriahkan dengan kehadiran pelari solo wanita negara, Mejar Kehormat Suwaibah Mohd. Nasir yang turut disertai 16 individu istimewa berkerusi roda dan 70 pesakit kanser payudara.



**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (bertopi) menandatangani plak acara sebagai simbolik pelancaran Kempen Bulan Kesedaran Kanser Payudara Pink October 2018 di sini baru-baru ini.**




**SEBAHAGIAN peserta istimewa berkerusi roda yang mengambil bahagian.**

## JEP program sokongan bantu atlet dapat pekerjaan selepas tamat persekolahan

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang melalui Majlis Sukan Negeri (MSN) bakal menganjurkan *'Junior Executive Programme'* (JEP) dengan kerjasama firma korporat, syarikat NationGate Solution (M) Sdn. Bhd. (NationGate Solution).

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee memberitahu, program sokongan itu adalah demi membantu atlet negeri terutama yang pernah mengambil bahagian dalam kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) mendapatkan pekerjaan selepas tamat persekolahan.

"Kita (Kerajaan Negeri) dapati ramai atlet yang seakan tiada hala tuju selepas tamat tingkatan lima.

"Isu ini sering kali dipertikaikan apabila atlet-atlet tamat persekolahan di peringkat sekolah menengah, jadi apakah hala tuju seterusnya buat mereka?

"Saya amat berbesar hati untuk membuat satu pengumuman bahawa melalui kerjasama dengan syarikat NationGate Solution, atlet-atlet yang berkelayakan akan diberikan peluang pekerjaan melalui program ini," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal dalam sidang media di sini 2 November 2018.

Menjawab soalan pemberita, Lip Chee memberitahu bahawa JEP diwujudkan susulan maklum balas barisan atlet sebelum ini mengenai masa depan anak masing-masing selepas menyumbang bakat kepada kontinjen negeri bagi memburu kejuaraan dalam sukan dwi-tahunan SUKMA.

Tambah Lip Chee, bekas atlet yang menjalani latihan kerjaya selama lapan bulan akan diberi elaun RM1,500 sebulan, dan bakal mendapat kenaikan tambahan RM300 selepas tamat kursus tersebut.

Bercakap pada sidang media sama, Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, Frederick Tan Teck An menyatakan bahawa seramai 23 atlet bakal diserap dalam program tersebut.

Mereka, tambah beliau adalah terdiri oleh 17 atlet Melayu, Cina (5) dan India (1).

"Semua atlet bakal ditemuduga oleh NationGate Solution untuk ditapis mengikut kelayakan masing-masing.

"(Dan) ini merupakan masa yang terbaik buat kita dalam memberi pertolongan kepada pelajar lepasan tingkatan lima.

"Tindakan ini dapat memberi pemikiran yang jelas bahawa Pulau Pinang akan berusaha mencari jalan penyelesaian yang terbaik sekaligus dapat memenuhi kepentingan semua pihak." ujar Teck An sambil merakamkan ucapan terima kasih kepada NationGate Solution.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Operasi NationGate Solution, Lee Kim San berkata, pihaknya berasa gembira dengan kerjasama yang berjaya dibuat melalui JEP.

Menurut Kim San, pihaknya juga akan mengamalkan waktu bekerja yang fleksibel, supaya atlet-atlet yang terlibat dalam program JEP masih boleh mengembangkan bakat masing-masing dalam arena sukan yang diceburi.

Pengarah Perancangan Sumber NationGate Solution, David Lim Kee Beng turut hadir pada sidang media tersebut.



**SOON Lip Chee (dua dari kanan) berjabat tangan dengan Lee Kim San (dua dari kiri) sambil ditemani Federick Tan Teck An (kanan sekali) dan Lim Kee Beng pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

# Naik taraf pusat khidmat, jadikan ia mudah diakses semua

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**PAYA TERUBONG** - Pusat Khidmat KADUN Paya Terubong yang berpindah ke premis bernombor 16J, Jalan Angsana, Bandar Baru Ayer Itam dekat sini kini beroperasi sepenuhnya.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika hadir menyempurnakan pembukaan rasmi pusat khidmat berkaitan berkata, selaku Pengerusi Parti Tindakan Demokratik (DAP) Pulau Pinang, beliau telah mengarahkan semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) parti berkenaan untuk membuka sebuah pusat khidmat di kawasan masing-masing demi memberi peluang kepada rakyat berurusan dengan kerajaan.

"Saya berharap dengan pembukaan pusat khidmat ini, para pengundi di Paya Terubong dapat menggunakan (pusat khidmat ini) ia dengan sepenuhnya, bukan sahaja 'membawa' permasalahan untuk diselesaikan tetapi juga cadangan atau syor-syor penambahbaikan perkhidmatan amatlah dialu-alukan.

"Saya juga mengarahkan supaya wakil-wakil rakyat daripada DAP untuk menaik taraf pusat khidmat sedia ada dengan menjadikannya mudah diakses oleh semua termasuk warga emas di kawasan masing-masing," ujarnya yang turut menzahirkan ucapan syabas kepada ADUN Paya Terubong, Yeoh Soon Hin atas pembukaan rasmi pusat khidmat berkaitan baru-baru ini.

Hadir sama, ADUN Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid; ADUN Air Itam, Joseph Ng Soon Siang serta pimpinan tempatan.

Dalam pada itu, Kon Yeow yang juga Ahli Parlimen Tanjong berharap agar Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) dapat melaksanakan persempadanan semula bagi kawasan Paya Terubong.

"Paya Terubong kini mempunyai hampir 50,000 pengundi dan saya berharap SPR dapat melaksanakan persempadanan semula dengan menjadikannya dua kawasan supaya penyampaian perkhidmatan kepada rakyat akan lebih berkesan dan fungsi pusat khidmat dapat ditingkatkan," serunya.



(Dari kiri), YEOH Soon Hin, Chow Kon Yeow, Syerleena Abdul Rashid dan Joseph Ng Soon Siang menunjukkan tanda bagus selepas menyempurnakan gimik Majlis Perasmian Pusat Khidmat Kawasan Dewan Undangan Negeri Paya Terubong di sini baru-baru ini.

Cadangan sama telah disuarakan sebelum Pilihan Raya Umum Ke-14 baru-baru ini.

Dalam perkembangan lain, Kon Yeow memaklumkan bahawa buat tahun ketiga berturut-turut, Pulau Pinang berjaya mencatatkan pertumbuhan mengagumkan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mengatasi kadar pertumbuhan nasional melalui sektor pembuatan dan perkhidmatan.

"Dianggarkan kadar pertumbuhan KDNK Pulau Pinang meningkat antara 5.2 peratus dan 5.3 peratus untuk tahun semasa.

"Manakala, kadar purata pertumbuhan KDNK peringkat nasional dijangka antara 4.5 ke 4.8 peratus tahun ini.

"Pertumbuhan KDNK Pulau Pinang melonjak atas faktor bahawa Kerajaan Negeri melabur untuk masa hadapan dalam membangunkan modal insan sejajar dengan wawasan *Penang2030*," ujarnya.

Dalam pada itu, Soon Hin ketika berucap turut menyatakan komitmen dan kesediaan memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

"Saya berharap dengan adanya pusat khidmat di sini ia akan memberi peluang kepada rakyat menyampaikan aduan atau permasalahan secara terus.

"(Dan) secara tidak langsung rakyat dapat mendekati pimpinan negeri," katanya yang juga Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian Pulau Pinang.




# Jan, penggiat serta penjahit kasut sepak raga tuju berseni

**BERMULA** sebagai pemain sukan sepak takraw sebelum bergiat aktif dalam mempopularkan sukan sepak raga tuju kotak.

Berputik daripada situ, ayah kepada dua cahaya mata, Faizan Izwar, 38, kini lebih dikenali sebagai penjahit atau 'pembekal' kasut bagi sukan berkaitan.

Darah keusahawanan Faizan atau lebih dikenali sebagai 'Jan' bermula apabila beliau menjahit sendiri kasut-kasut yang digunakan untuk berentap dalam permainan sukan sepak raga tuju kotak.

"Pada tahun 2004, ketika saya mula bermain sepak raga tuju, saya jahit sendiri kasut iaitu jahit tangan.

"*Member-member* nampak terus cakap – Cantiklah, jahit satu!

"Dari situ, saya cuba jahit untuk kenalan sahaja dan tidak pernah terfikir untuk sampai ke tahap sekarang yang mana turut memperoleh tempahan pelanggan dari Sabah dan Sarawak," katanya kepada wartawan Buletin Mutiara, **YAP LEE YING** dan jurugambar, **IDZHAM AHMAD** yang mengadakan kunjungan ke kediamannya di Sungai Ara, Bayan Lepas baru-baru ini.

Sebagaimana jari-jemarinya, Jan merupakan seorang yang peramah dan petah bercakap. Pada sesi temubual tersebut, beliau bukan hanya berkongsi minatnya yang mendalam dalam bidang sukan yang kian digemari generasi muda kini, malah juga tidak pernah lokek menceritakan rahsia kemahiran dalam menghasilkan kasut-kasut yang pada penulis adalah agak menarik serta unik.

Menurut Jan yang merupakan anak jati Sungai Ara, beliau sebelum ini hanya mempelajari kemahiran menjahit jeans dan *bundle*.

"Dari situ, saya cuba menjahit kasut sepak raga tuju. Ketika jahit tangan, tempoh masa kira-kira dua minggu adalah diperlukan untuk menyiapkan sepasang kasut.

"Bahagian pembuatan yang paling rumit adalah pada bahagian 'lidah' kasut.

"Mula-mula, memang ada cacat cela, namun lama-lama, saya cuba cantikkan ia, faham akan taktik-taktik diperlukan, maka ia menjadi suatu kepuasan apabila dapat menghasilkan sepasang kasut yang cantik.

**KOMBINASI warna menentukan harga kasut yang dijual.**



"Boleh dikatakan, sejak tahun 2004 sehingga kini, saya telah jahit 200 pasang kasut dengan tangan," ujarnya sambil menyatakan bahawa beliau masih memakai kasut miliknya yang dijahit pada tahun berkaitan.

Lanjutan daripada rasa kepuasan tersebut, timbul minat Jan untuk terus berkecimpung dalam bidang keusahawanan berkaitan. Pada dua tahun lalu, seorang rakannya telah menghadiahkan beliau sebuah mesin menjahit kasut yang ketika itu berharga RM740 sebagai tanda sokongan.

"Pada tahun 2004, saya bekerja sebagai juruteknik dan kemudian *pest control*. Jahit kasut cuma separuh masa sebab akur bahawa ramai tukang (kasut) dan banyak persaingan… takut nak *try*.

"Namun, rakan-rakan tidak putus bagi galakan dan akhirnya pada tahun 2016, baru timbul keyakinan untuk buat sendiri tambahan pula saya sudah 'jemu' bekerja dengan orang," jelasnya yang mana beliau amat menghargai hadiah diterima berkaitan.

Menurut Jan, pada peringkat permulaan, beliau tidak memiliki sebarang modal dan semua bekalan hanya diambil apabila perlu.

"Bekalan kulit lembu dan kambing yang merupakan bahan asas diambil di kawasan Tanjong. Modal sepasang kasut adalah RM150.



**FAIZAN Izwar menunjukkan kemahiran menggunakan mesin untuk menjahit kasut sepak raga tuju kotak.**

"Dari situ, saya mula buat promosi dan dapat tempahan. Saya kembangkan dari situ dan selain media sosial, pemasaran dari mulut ke mulut juga adalah amat berkesan… insha-Allah, saya kini boleh dikatakan salah seorang penjahit utama produk berkaitan," katanya bahawa dengan menggunakan mesin, beliau kini dapat menghasilkan sepasang kasut dalam tempoh tiga jam.

Ketika ditanya mengenai harga bagi setiap pasang kasut dan keunikan hasil kerjanya, Jan sambil tersenyum menyatakan bahawa harga kasut adalah bergantung kepada kombinasi warnanya.

"Bagi kulit yang berwarna kuning, merah, hijau dan biru, ia dikategorikan sebagai warna mahal. Manakala warna hitam, putih, kelabu dan krim adalah murah sikit.

"Kasut-kasut dihasilkan saya dijual pada harga antara RM160 hingga RM180, dan keunikan produk saya selain menggunakan bahan berkualiti, saya tidak suka *copy original* dan jahitan juga adalah istimewa iaitu 'berseni'," ujarnya.

Menyentuh mengenai cabaran berniaga, Jan terus menyatakan bahawa pada peringkat pemulaan beliau telah diuji dengan kerenah pelanggan yang menempah kira-kira 10 hingga 15 pasang kasut dengan hanya membayar deposit berjumlah RM200.

"Apabila semua produk ditempah dihantar menerusi pos, dia (pelanggan) terus *blocked* dan sepi sehingga kini. Tambahan pula, ketika itu dekat nak raya.



**PRODUK yang dalam proses penghasilan.**

"Bagaimanapun, syukur, selepas itu, rezeki saya kian bertambah hasil berkat kesabaran dan sokongan isteri serta anak-anak. Yang penting adalah kita berniaga jangan tipu orang.

"Malah, dengan bekerja sendiri, saya kini mampu berbelanja lebih kepada keluarga terutamanya anak-anak," jelasnya

Mengulas mengenai perancangan masa depan, adalah menjadi harapan Jan untuk membuka sebuah premis iaitu sebagai pembekal kasut dan juga kulit memfokuskan pasaran Daerah Barat Daya.

"Turut dalam perancangan adalah membeli mesin jahit terkini bagi mempercepatkan lagi pengeluaran produk. Namun, yang pasti saya tidak akan menjual mesin yang digunakan kini, ia akan saya jadikan *display*.

"Bagi pelapis, saya merasakan bahawa ia masih terlalu awal untuk menduga.

"Anak saya kedua-duanya adalah perempuan, dari segi minat masih belum dapat dilihat, namun yang bongsu (lima tahun) selalu menemani saya kadang-kadang sampai jam tiga pagi ketika saya terpaksa berjaga malam menyiapkan tempahan," ujarnya yang turut menyimpan harapan untuk menempa jenamanya sendiri iaitu Rancak Di Situ.

Serentak itu, Jan yang turut berkemahiran menjahit dompet dan beg kulit turut berkongsi ilmu dengan muda-mudi yang berminat mempelajari bidang kemahiran berkenaan.

"Saya tidak lokek ilmu, apa yang saya tahu saya akan kongsi, bincang dan beri tunjuk ajar.

"Ada yang datang belajar dan balik buka perniagaan sendiri, malah ada juga yang buat benda (perusahaan) lain," katanya sambil menyatakan bahawa beliau memerlukan seorang pembantu kini.

**INFO:**
**No. Telefon: 017 – 584 0026**
**Facebook: Jan Penang**



**KASUT-kasut yang sedia untuk dipasarkan.**

# Aduan *WhatsApp*, komitmen MBPP jadikan Negeri mesra didiami

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) memperluaskan ruang untuk orang ramai membuat aduan dan menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan dengan memperkenalkan perkhidmatan *WhatsApp* mulai 28 Oktober 2018.

Datuk Bandarnya, Dato' Ar. Yew Tung Seang berharap dengan pelancaran medium terbaharu tersebut, orang ramai berpeluang mengemukakan aduan atau sebarang maklumat kepada MBPP dengan lebih pantas.

Orang ramai, menurutnya, hanya perlu menaip aduan, menyertakan gambar atau lokasi berkaitan dan hantar ke talian hotline 016 - 200 4082 yang diaktifkan 24 jam setiap hari.

"Khidmat *WhatsApp* ini dilancarkan bagi memudahkan orang ramai membuat aduan atau menyalurkan maklumat dengan pantas kepada MBPP memandangkan ia merupakan saluran paling popular diguna pakai kini.

"Setiap aduan yang diberi amat dititik beratkan, dan ia merupakan komitmen MBPP untuk menanganinya dalam menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang mesra didiami," ujarnya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Biasa Majlis yang berlangsung di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya, Ir. Addnan Mohd. Razali dan barisan Ahli-ahli Majlis MBPP iaitu Nur Zarina Zakaria, Gooi Seong Kin, J. Francis dan Tan Seng Keat.

Menurut Tung Seang, secara puratanya, PBT berkaitan menerima sekitar 20,000 aduan setiap tahun.




**AR. Yew Tung Seang (dua dari kanan), Ir. Addnan Mohd. Razali (tiga dari kanan) dan Ahli-ahli Majlis MBPP memegang plakad maklumat saluran maklum balas terkini MBPP pada sidang media di sini baru-baru ini.**

"Diharap dengan pendekatan yang diambil ini, secara tidak langsung mampu mengurangkan lambakan aduan kerana ia lebih praktikal dan memudahkan orang ramai.

"Kita (MBPP) akan cuba menyelesaikan setiap aduan mengikut petunjuk prestasi utama (KPI) yang telah ditetapkan," jelasnya.

---

## Tanjung Pinang Straits Quay sebagai perintis LCCF

**GEORGE TOWN –** Tanjung Pinang Straits Quay dipilih sebagai projek perintis bagi pelaksanaan Pelan Tindakan Bandar Rendah Karbon (LCCF) bagi kawasan pulau.

Perkara tersebut diumumkan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang selepas mempengerusikan Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) dekat Dewan Bandaraya di sini 26 Oktober lalu.

Tung Seang berkata, kawasan berkenaan dipilih sebagai projek perintis setelah analisa dan penilaian terhadap data-data terkumpul menunjukkan bahawa projek Tanjung Pinang Straits Quay menghasilkan sebanyak 30,481.72 tan karbon dioksida (tCO2) bagi tahun 2016.

"Pencapaian ini sekaligus menerima pengiktirafan *Certified Provisional* daripada pihak Greentech Malaysia melalui Majlis Pengiktirafan dan Perkongsian Pengalaman Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam Pelaksanaan Perbandaran Rendah Karbon yang diadakan di Kuala Lumpur pada 18 Oktober lalu.

"Inisiatif MBPP bagi menjayakan pelaksanaan projek LCCF ini akan diteruskan membabitkan keseluruhan kawasan di bawah pentadbiran MBPP bagi menjayakan visi Bandar Raya Rendah Karbon di sini," ujarnya.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya, Ir. Addnan Mohd. Razali, Ahli-ahli Majlis pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Ketua-ketua Jabatan MBPP.

LCCF dibangunkan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) yang kini dikenali sebagai Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) turut bekerjasama dengan Malaysian *Green Technology Corporation* (MGTC) bagi memudahkan semua pihak terbabit berhubung pelaksanaan perancangan pembangunan Bandar Rendah Karbon di Malaysia.

Mengulas lanjut, Tung Seang menyatakan bahawa pelaksanaan LCCF adalah bertujuan membantu MBPP menilai asas semasa penanda aras serta membekalkan strategi-strategi yang boleh dijalankan dalam mengurangkan tahap pelepasan karbon projek pembangunan masing-masing.

"Tanjung Pinang Straits Quay meliputi kawasan seluas 97.38 hektar yang telah dikenal pasti dengan kepadatan penduduk anggaran seramai 10,608 orang.

"Lokasi ini merupakan kawasan projek bercampur iaitu kawasan kediaman, komersial, tanah lapang dan pelbagai aktiviti yang boleh dibuat kajian pertama.

"Kita (MBPP) menggunakan pendekatan projek secara *City-Based Approach* yang terbahagi kepada tiga kriteria utama iaitu persekitaran urban, infrastruktur urban dan bangunan," jelasnya.



# Gagal bayar kompaun hadapi tindakan mahkamah

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**SEBERANG JAYA –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bakal meningkatkan tindakan penguatkuasaan terhadap mana-mana individu yang gagal melunaskan bayaran kompaun.

Yang di-Pertuanya, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, masih terdapat kira-kira 2,000 kes kompaun membabitkan kesalahan meletakkan kereta belum dijelaskan selepas tamat tempoh promosi pada 27 Ogos lalu.

"Sepanjang tempoh promosi pengurangan kompaun dijalankan, sebanyak 38,641 kes telah dijelaskan dengan jumlah bayaran sebanyak RM768,720 membabitkan pelbagai kesalahan.

"Selain itu, selepas tempoh promosi pengurangan berakhir sehingga kini, sebanyak lapan kenderaan yang mempunyai kesalahan kompaun melebihi 10 kes telah ditunda balik oleh pihak MPSP.

"Setiap tuntutan semula kenderaan dikenakan caj sebanyak RM100 termasuk RM10 (sehari) bagi caj simpanan serta dikehendaki membayar kompaun-kompaun tertunggak.

"Bagi 2,000 kes kompaun yang masih gagal melunaskan bayaran pula, MPSP telah memajukan kes ini ke Jabatan Undang-undang untuk dihadapkan ke mahkamah," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Penuh dekat Pejabat MPSP, Bandar Perda di sini 26 Oktober lalu.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod; Ahli-Ahli Majlis bagi MPSP serta Ketua-Ketua Jabatan.



**SR. Rozali Mohamud (tiga dari kanan) beramah-mesra dengan beberapa kakitangan MPSP sambil berlatarbelakangkan kenderaan tunda baru di sini baru-baru ini.**

Mengulas lanjut, Rozali memberitahu bahawa pihaknya juga telah membeli sebuah lagi kenderaan tunda berharga RM238,000 bagi tujuan penguatkuasaan yang lebih serius.

"Tindakan yang diambil ini bukan hanya berkaitan hasil semata-mata, tetapi lebih kepada untuk mendidik dan memberi kesedaran serta mendisiplinkan pengguna tempat letak kereta agar mematuhi peraturan yang ditetapkan.

"Sekali lagi, MPSP memberi amaran kepada pesalah-pesalah tegar ini supaya segera membayar kompaun-kompaun tertunggak sebelum tindakan lebih keras diambil," tegasnya.

Dalam perkembangan lain, Rozali menyatakan bahawa bermula 1 Januari 2019, MPSP hanya menerima aduan-aduan yang dikemukakan penduduk menerusi aplikasi rasmi iaitu MyMPSP (MyMPSP apps) selain iKepoh, e-pintas, sistem aduan dalam talian di laman sesawang MPSP.

"Aplikasi ini hanya menggunakan tiga cara mudah iaitu dengan memuat naik gambar, melengkapkan maklumat lokasi dan maklumat akan dihantar terus ke Sistem Pemantauan Pintar.

"Oleh itu, aduan menerusi media sosial seperti *Facebook, Twitter, WhatsApp* dan sebagainya tidak dapat dipantau secara efektif kerana MPSP menghadapi kesukaran untuk mengintegrasikan aduan melalui medium baru," jelasnya.

## Exco sasar semua lampu tandas awam, jalan ditukar kepada jenis LED sejajar visi *Penang2030*

**PULAU TIKUS –** Projek naik taraf tandas awam Anjung Persiaran Gurney yang menerapkan teknologi *International Building Standard* (IBS) adalah sejajar dengan visi *Penang2030* ke arah menjadi sebuah negeri pintar.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, projek berkenaan adalah membabitkan kos sebanyak RM337,000 dan dibiayai sepenuhnya oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

"Saya juga difahamkan bahawa lampu yang digunakan adalah dari jenis LED *(Light Emitting Diode)* iaitu mampu menghasilkan penjimatan sehingga 60 peratus, dan pendekatan tersebut merupakan salah satu perubahan ke arah menjadi sebuah negeri pintar menerusi penjimatan perbelanjaan," katanya pada Majlis Perasmian Tandas Awam Anjung Persiaran Gurney di sini 27 Oktober lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Chris Lee Chun Kit, Ahli-ahli Majlis MBPP dan Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBPP, Mubarak Junus.

Mengulas lanjut, Jagdeep ketika berkongsi pengalaman menyatakan bahawa selaku Exco berkaitan, apabila ke negara luar beliau akan membuat pemantauan khas berhubung program *smart city* atau negeri pintar pihak-pihak berkaitan.

"Kebiasaannya, ada beberapa perkara penting yang mesti diberi fokus iaitu keselamatan, kebersihan dan trafik.

"Kebiasaannya, apabila dilihat pada aspek keselamatan lampu mestilah terang… justeru, melihat kepada keupayaan lampu LED dan juga pada segi kos ia, saya berhasrat untuk menjadikan kawasan



**JAGDEEP Singh Deo (dua dari kiri), Chris Lee Chun Kit (tiga dari kiri), barisan Ahli-ahli Majlis MBPP dan wakil-wakil jabatan merakam gambar dengan berlatarbelakangkan tandas awam Anjung Persiaran Gurney yang siap dinaik taraf di sini baru-baru ini.**

pulau dan Seberang Perai berhubung penggunaan lampu LED dengan sepenuhnya," ujarnya.

Dalam pada itu, tambah Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, beliau turut komited untuk menaik taraf 101 tandas awam MBPP lain dengan menggunakan jenis lampu yang sama.

## Usaha kurangkan penghasilan karbon, MPSP terima Pengiktirafan Diamond

**SEBERANG JAYA –** Kejayaan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mengurangkan penghasilan karbon sebanyak 4.95 peratus melayakkan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan menerima anugerah Pengiktirafan Diamond *(Diamond Recognition)* bagi Rangka Kerja Bandar Raya Rendah Karbon (LCCF).

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, program tersebut dianjurkan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi dan Perubahan Iklim (MESTECC) dengan kerjasama Malaysia Green Technology Corporation.

Menurutnya, penganjuran program berkenaan bertujuan membantu bandar-bandar di negara ini untuk mengukur kadar pelepasan karbon.

"MPSP merupakan agensi terawal menyertai program LCCF yang bermula sejak 2016, dan pada 13 Oktober tahun lalu, MPSP menerima pengiktirafan Sijil Sementera LCCF *(Provisional Certificate LCCF)* atas kejayaan mengumpul maklumat asas *(baseline assessment)*.

"Susulan kejayaan itu, MPSP akan melaksanakan pelbagai usaha lagi bagi memastikan pengurangan karbon yang signifikan terhasil di Menara MPSP seperti pengurusan tenaga yang efisien, pemasangan panel solar, program penanaman pokok, pengurangan penjanaan sisa dan lain-lain.

"Hasil usaha ini membolehkan MPSP mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 77.30 tan karbon dioksida," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Penuh di Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini 25 Oktober lalu.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod; Ahli-Ahli Majlis bagi MPSP serta Ketua-Ketua Jabatan.

Difahamkan, anugerah tersebut disampaikan semasa berlangsungnya *International GreenTech and Eco Products Exhibition and Conference Malaysia 2018* (IGEM 2018) yang berlangsung pada 17 hingga 20 Oktober lalu di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Dalam perkembangan berkaitan, Rozali menyatakan bahawa pihaknya bakal melancarkan *'Seberang Perai Carbon Calculator'* yang bertujuan memberi pendedahan kepada penduduk Seberang Perai mengenai pelepasan karbon yang dijana mereka.

"Melalui kaedah ini, warga Seberang Perai dapat mengetahui kadar pelepasan karbon yang masing-masing dijana dan sekaligus dapat memikirkan kaedah yang boleh dilaksanakan untuk mengurangkan pelepasan tersebut.

"Ia *(Seberang Perai Carbon Calculator)* boleh dicapai melalui laman sesawang MPSP dan juga melalui aplikasi MyMPSP," jelasnya.

Selain itu, beliau menjelaskan, MPSP juga mengeluarkan laporan pencapaian sukuan ketiga 2018 bertajuk Keutamaan Korporat Seberang Perai yang diterbitkan dalam empat bahasa iaitu Bahasa Melayu, Inggeris, Mandarin dan Tamil.

# Program Kewarganegaraan berjaya bantu 1,118 individu – Ramasamy

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**




**PROF. Dr. P. Ramasamy (berkemeja putih) dan M. Satees (tiga dari kiri) mengadakan lawatan ke salah sebuah gerai pameran pada penganjuran Karnival Kerajaan Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

**BAGAN DALAM –** Program Kewarganegaraan Pulau Pinang yang diwujudkan sejak 2013 berjaya membantu 1,118 individu mendapatkan status warganegara sah sehingga kini, ujar Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy.

Beliau berkata demikian pada penganjuran Karnival Kerajaan Negeri Pulau Pinang di sini 28 Oktober lalu.

Menurut Ramasamy, umumnya, Manifesto Pilihanraya Umum Ke-14 Pakatan Harapan tertulis komitmen menyelesaikan masalah berkenaan dan langkah-langkah tersebut telah mula dilaksanakan.

"Masalah kewarganegaraan di Malaysia adalah melibatkan semua kaum dan bukan hanya masyarakat India, justeru, pelbagai pendekatan diambil Kerajaan termasuk Kerajaan Negeri ke arah tujuan berkaitan," katanya lanjut.

Hadir sama pada majlis tersebut, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, M. Satees, Penyelaras dan Pegawai Pembantu Kewarganegaraan, V. Elemperu serta Ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Jalan Siram.

Pada penganjuran itu, antara jabatan kerajaan terlibat termasuk Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP); Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Perai Utara; Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri; Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (SPU); Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC); *Penang Skills Development Center* (PSDC); Unit Pinjaman Penuntut Negeri Pulau Pinang; *investPenang* (iP); Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dan Pejabat Masyarakat Penyayang Pulau Pinang.

## Projek tebatan banjir Parit 4 Juru dijangka kurang limpahan air ke Sungai Rambai – Chong Eng

**PADANG LALANG –** Sebanyak RM17 juta projek tebatan banjir termasuk pembinaan tiga rumah pam di Parit 4 dekat Juru, yang sedang dilaksanakan dijangka mengurangkan 96 peratus limpahan air ke Sungai Rambai apabila siap kelak, sekaligus mengurangkan lagi risiko banjir di kawasan ini.

Exco Pembangunan Wanita & Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng berkata, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang telah menyiapkan projek pemajuan rumah pam di Taman Desa Damai, Taman Mangkok dan Sungai Rambai.

"Kita (Kerajaan Negeri) telah buat fasa 2, 3 dan 4, fasa 1 sahaja belum dilaksanakan lagi.

"Projek tebatan banjir Parit 4 sudah jalan, (melibatkan pembinaan) tiga (rumah) pam di Sungai Juru, air yang mengalir ke sini (Sungai Rambai) akan ditarik ke situ dan bakal mengurangkan (risiko) banjir di sini.

"Kalau dahulu limpahan air berlaku di sekitar Sungai Rambai, selepas siap projek ini kelak, menurut konsultan, 86 peratus (impak daripada limpahan air) dapat dikurangkan," jelasnya dalam Dialog Sri Rambai di sini 27 Oktober 2018 lalu.

Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong yang juga Timbalan Menteri Belia & Sukan dan pemimpin komuniti tempatan turut menyertai dialog dua hala dengan penduduk di sini.

Chong Eng bagaimanapun berkata, sekiranya fenomena hujan terlalu lebat yang bertembung dengan limpahan air sungai



**CHONG Eng.**

- seperti pada 4 dan 5 November 2017 - berulang kelak (pada hujung tahun 2018), beliau berharap tahap impak bencana banjir di sekitar kawasan Sungai Rambai dapat dikurangkan lagi.

"Kita harap, selepas ia (projek Parit 4 Juru) siap, kita dapat kurangkan lagi risiko banjir," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang.

Dalam perkembangan berkaitan, Chong Eng turut merakamkan penghargaan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) atas kerja-kerja mendalam serta membersihkan sampah sarap di hilir Sungai Rambai.



# Kasih sayang nenek, cucu diabadikan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**BATU LANCANG -** Lukisan mural memaparkan seorang nenek dan cucunya yang kini tersergam indah pada dinding flat Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di sini bakal menjadi hasil seni terkenal, kata Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar dan Desa, Jagdeep Singh Deo.

"Pulau Pinang dan George Town khususnya kini menjadi sebuah bandar raya yang terkenal dengan hasil seni jalanan.

"Ini merupakan karya kesembilan artis terkenal dari Russia, Julia Volchkova di Pulau Pinang, selepas menghasilkan mural di George Town dan Balik Pulau.

"Saya berharap lebih ramai lagi artis antarabangsa akan datang ke sini (Pulau Pinang) bagi mencoretkan karya unik mereka," ujarnya ketika melawat mural berkenaan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Ong Ah Teong; Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N Rayer serta Ahli-ahli Majlis bagi MBPP.

Mengabadikan potret rakyat tempatan iaitu kasih sayang di antara seorang nenek berusia 87 tahun dan cucu perempuannya, 2, di dinding flat empat tingkat dengan kelebaran 6 meter (m) x 10m, lukisan tersebut dilihat mampu menarik pengunjung ke kawasan berkenaan.

Difahamkan, keluarga kecil berkenaan yang hidup dalam serba kekurangan setelah anak lelakinya, William Oon Yeow Loon, 30-an, lumpuh separuh badan sejak tahun lepas dan tidak dapat mencari nafkah buat mereka.

Bercakap kepada pihak media, Ah Teong memberitahu, komuniti di Jalan Perak sememangnya sudah lama mengenali dan menghulurkan bantuan kepada keluarga Yeow Loon.

"Komuniti di sini tampil untuk menyokong keluarga Yeow Loon, cerita ini turut menyentuh hati Julia (pelukis), jadi selepas sesi temu bual bersamanya, beliau bersetuju untuk mengabadikan keluarga ini sebagai potret mural di sini," ujarnya.

Dalam pada itu, Volchkova ketika ditemui menyatakan bahawa lukisan itu membawa mesej kasih sayang seorang nenek terhadap cucunya dan berharap ia (mesej tersebut) sampai kepada masyarakat untuk saling menghulurkan bantuan kepada insan-insan yang kurang bernasib baik.




**JAGDEEP Singh Deo (tiga dari kiri), Ong Ah Teong (kiri sekali), R.S.N Rayer (dua dari kiri) dan Ahli-ahli Majlis MBPP menemani nenek serta cucunya melihat lukisan wajah mereka yang diabadikan di salah sebuah dinding flat MBPP di sini baru-baru ini.**

## Kem Sains Interaktif bakal diteruskan, respons ADUN

**SERI DELIMA –** Kira-kira 50 pelajar sekolah menengah dan rendah berjaya menamatkan pembelajaran Kem Sains Interaktif yang berlangsung selama lapan minggu di Perpustakaan Awam Taman Tun Sardon di sini.

Majlis penutup program berkaitan disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid.

Syerleena ketika berucap memuji inisiatif Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) dengan usaha sama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) berhubung pelaksanaan program berkaitan.

"Program ini adalah hasil kajian permintaan penduduk kawasan, dan saya akan meneruskannya kerana ia dapat memberi pendedahan kepada anak-anak muda yang merupakan tulang belakang negara.

"Saya juga akan adakan perbincangan dengan MBPP untuk menaik taraf perpustakaan ini untuk dijadikan sebuah pusat komuniti, dan pada masa sama akan teruskan kerjasama dengan PYDC bagi memperbanyakkan kelas-kelas serta penganjuran seumpamanya," ujarnya pada 30 Oktober lalu.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Khidmat Kemasyarakatan MBPP, Rashidah Jalaludin, Ketua Pengarah Eksekutif PYDC, Teng Kok Liang dan Penasihat Kem Sains Interaktif Taman Tun Sardon, Dr. Lim Gin Keat.

Gin Keat ketika ditemuramah memaklumkan bahawa kem selama lapan minggu tersebut memfokuskan kepada subjek sains dan matematik.

"Projek secara percuma seperti ini akan diteruskan pada masa hadapan di kawasan-kawasan lain dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan MBPP," jelasnya.



**SYERLEENA Abdul Rashid (dua dari kiri) menyampaikan dokumen berkaitan kepada salah seorang pelajar yang berjaya menamatkan pembelajaran Kem Sains Interaktif di sini baru-baru ini.**

## Karnival Kerjaya Balik Pulau, anak tempatan diseru rebut peluang

**PULAU BETONG –** Lebih 300 umum rata-rata anak tempatan menyertai Karnival Kerjaya Balik Pulau yang berlangsung pada 17 Oktober lalu dekat Dewan Balora Mastika di sini.

Ahli Palimen Balik Pulau, Muhammad Bakhtiar Wan Chik yang juga Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya merasmikan karnival yang julung kali dianjurkan di parlimen berkaitan.

Ketika berucap, beliau berharap anak tempatan dapat merebut peluang dalam penganjuran yang disertai kira-kira 25 majikan.

Antara majikan yang turut serta, katanya adalah Plexus Manufacturing Sdn. Bhd.; Hunza Properties Sdn. Bhd.; Renesas Semiconductor Sdn. Bhd.; Resdar Engineering Sdn. Bhd.; Dynacraft Industries Sdn. Bhd.; Kobe Precision Technology Sdn. Bhd.; *7 Eleven (M) Sdn. Bhd.*; *AEON Queensbay*; Tesco Tanjung Pinang; Agensi Pekerjaan Siti; *Mydin Wholesale Hypermarket*; Venture Electronics Sdn. Bhd.; Symphony Guardforce Sdn. Bhd.; Dufu Industries Sdn. Bhd.; Kesp Sdn. Bhd. dan Mc Donalds.

Dalam perkembangan lain, Muhammad Bakhtiar turut merakamkan penghargaan kepada Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail; Pejabat Tenaga Kerja Georgetown serta Pertubuhan IKRAM Malaysia kerana saling bekerjasama dengan Pejabat Ahli Parlimen Balik Pulau dalam menganjurkan karnival tersebut.




**MUHAMMAD Bakhtiar Wan Chik (dua dari kiri) bertukar-tukar cenderamata dengan salah seorang pempamer penganjuran Karnival Kerjaya Balik Pulau di sini baru-baru ini.**


• TEPAT • TERKINI • BENAR
BULETIN MUTIARA
naskah penerbitan
Kerajaan Negeri
Pulau Pinang
PERCUMA
முத்துச் செய்திகள்
珍珠快讯
Grand opening of APMG pg 15
BULETIN MUTIARA
PERCUMA
Menjelang SUKMA Perak
Selamat Hari MALAYSIA
Penang2030
bergantung kepada penglibatan, semangat rakyat Pulau Pinang
PENANG 2030
www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@ChowKonYeow
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon: 04-650 5468 ; Fax: 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com